

KECENDERUNGAN KEUSAHAWANAN DI KALANGAN  
PELATIH INSTITUT KEMAHIRAN MARA

ZULKIFLI BIN SAIDUN

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

JULAI, 1996

**KECENDERUNGAN KEUSAHAWANAN DI KALANGAN  
PELATIH INSTITUT KEMAHIRAN MARA**

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Siswazah sebagai  
memenuhi sebahagian daripada syarat pengijazahan  
Program Sarjana Sains (Pengurusan),  
Universiti Utara Malaysia**

oleh

**Zulkifli bin Saidun  
Julai, 1996**

**© ZULKIFLI BIN SAIDUN, 1996, Hak cipta terpelihara**



Sekolah Siswazah  
(Graduate School)  
Universiti Utara Malaysia

PERAKUAN KERJA TESIS SARJANA  
(CERTIFICATION OF MASTER'S THESIS WORK)

Kami, yang bertandatangan, memperakukan bahawa  
We, the undersigned, certify that

ZULKIFLI BIN SAIDUN

(nama penuh/full name)

calon untuk ijazah

candidate for the degree of Sarjana Sains (Pengurusan)

telah mengemukakan tesisnya yang bertajuk

has presented his/her thesis of the following title:

Recenderangan Keusahawanan Dikalangan Pelatih Institut

Kemahiran MARA

(seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit tesis)  
as it appears on the title page and front cover of thesis

bahawa tesis tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan, dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan  
that the thesis is acceptable in form and content, and that a satisfactory knowledge of the field is covered by the thesis.

AJK Tesis  
Thesis Committee

[i] Nama  
Name : En. Rosli Mahmood  
(Penyelia Utama/Principal Supervisor)

Tandatangan  
Signature:

[ii] Nama  
Name : En. Razli Che Razak

Tandatangan  
Signature:

[iii] Nama  
Name : \_\_\_\_\_

Tandatangan  
Signature: \_\_\_\_\_

Tarikh

Date : 22/6/96

## **KEBENARAN MENGGUNA**

Dalam menyerahkan tesis ini sebagai keperluan pengajian lepas ijazah Universiti Utara Malaysia, saya bersetuju supaya pihak perpustakaan Universiti Utara Malaysia mengadakan tesis ini bagi tujuan rujukan. Saya juga bersetuju bahawa kebenaran untuk membuat salinan keseluruhan atau sebahagian daripadanya, bagi tujuan akademik mestilah mendapat kebenaran daripada penyelia saya atau semasa ketiadaan beliau, kebenaran tersebut boleh diperolehi daripada Dekan Sekolah Siswazah Universiti Utara Malaysia. Sebarang penyalinan penerbitan atau penggunaan ke atas keseluruhan atau sebahagian daripada tesis ini, untuk pemerolehan kewangan tidak dibenarkan tanpa kebenaran saya. Di samping itu pengiktirafan kepada saya dan Universiti Utara Malaysia seharusnya diberikan dalam kegunaan bahan-bahan yang terdapat dalam tesis ini.

Permohonan untuk kebenaran membuat salinan atau lain kegunaan, sama ada secara keseluruhan atau sebahagiannya, boleh dibuat dengan menulis kepada :

DEKAN  
SEKOLAH SISWAZAH  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA  
06010 SINTOK, KEDAH DARUL AMAN

## ABSTRAK

Objektif kajian adalah untuk mengetahui tahap kecenderungan keusahawanan di kalangan pelatih IKM serta mengenalpasti pengaruh ciri-ciri demografi, tahap pendidikan, ciri-ciri keluarga, pendidikan dan pekerjaan ibubapa terhadap kecenderungan keusahawanan. Ciri-ciri utama yang seringkali dikaitkan dengan kecenderungan keusahawanan ialah keperluan pencapaian, lokus kawalan, kecenderungan mengambil risiko, kesabaran dalam menghadapi kesamaran, keyakinan diri dan inovatif. Sejumlah 290 borang soal selidik telah diedarkan kepada pelatih tahun akhir di IKM Alor Setar, Sungai Petani, Lumut dan Beseri. Skala lima Likert digunakan bagi mengukur tahap kecenderungan keusahawanan. Analisa melalui kaedah Ujian-t dan ANOVA bagi menentukan samada terdapat hubungan dan perbezaan yang signifikan ke atas 14 hipotesis kajian dengan paras keyakinan 0.05. Hasil dari kajian, didapati bahawa jantina dan tempat latihan mempunyai hubungan yang signifikan dengan kecenderungan keusahawanan. Dalam hal ini pelatih lelaki dan pelatih dari IKM Beseri adalah kumpulan pelatih yang mempunyai tahap kecenderungan keusahawanan yang tinggi.

## ABSTRACT

The objective of this study was to examine the entrepreneurial inclination among Institute Kemahiran MARA trainees and to identify the relationship between demographic characteristics, education level, family characteristics, parent's education and occupation with entrepreneurial inclination. The main characteristics most frequently associated with entrepreneurial inclination are the need of achievement, locus of control, propensity to take risk, tolerance of ambiguity, self-confidence and innovativeness. Two hundred and ninety questionnaires were distributed to the final semester trainees from Alor Setar, Sungai Petani, Lumut and Beseri IKMs. The trainees' responses toward entrepreneurial inclination were measured using a five-point Likert-type scale. The returned questionnaires of 290 were analyzed using the T-test method, and ANOVA to determine any significant relationship and differences among the 14 hypotheses at the 0.05 level of significance. The findings revealed that there was a significant mean difference in entrepreneurial inclination according to gender and place of training. Here, male trainees and trainees from IKM Beseri represented the group with high entrepreneurial inclination.

## PENGHARGAAN

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan kesyukuran kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izinNya kajian ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Encik Rosli Bin Mahmood, sebagai Penyelia Pertama yang telah memberi bimbingan, tunjukajar dan nasihat sepanjang kajian ini. Penghargaan dan terima kasih juga diberi kepada Encik Razli bin Che Razak sebagai penyelia kedua yang telah memberi banyak bantuan dan nasihat serta tunjuk ajar. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Bahagian Kemahiran MARA yang telah memberikan kebenaran kepada saya untuk menjalankan kajian di IKM dan semua pegawai dan kakitangan serta pelajar IKM yang telah memberi kerjasama samasa kajian dijalankan. Juga ucapan terima kasih kepada rakan seperjuangan saya dalam memberi nasihat dan bantuan terutama Saudara Mazni Mohamad yang membantu saya dalam analisis data.

Akhir sekali ucapan penghargaan yang tidak terhingga kepada isteri saya, Rohana, anak-anak saya, Mohd Iqram dan Mohd Azim di atas kasih sayang, sokongan moral dan pengorbanan mereka dan kedua ibu bapa juga ibubapa mertua saya kerana memberi galakan dan banyak menghulurkan bantuan dari segi doa dan harapan semasa tempoh pembelajaran peringkat Sarjana di Universiti Utara Malaysia.

## **BAB 2 : KECENDERUNGAN KEUSAHAWANAN**

2.1	Pengenalan	13
2.2	Definisi Usahawan dan Keusahawanan	13
2.3	Ciri-Ciri Psikologi Berkaitan Keusahawanan	24
2.3.1	Keperluan Pencapaian	26
2.3.2	Lokus Kawalan	32
2.3.3	Kecenderungan Mengambil Risiko	36
2.3.4	Kesabaran Menghadapi Kesamaran	41
2.3.5	Keyakinan Diri	43
2.3.6	Inovatif	45
2.4	Ciri-Ciri Demografi Dan Keluarga Berkaitan Keusahawanan	47
2.4.1	Umur	48
2.4.2	Jantina	50
2.4.3	Tahap Pendidikan	54
2.4.4	Pengalaman Perniagaan	57
2.4.5	Penglibatan Keluarga Dalam Perniagaan	58
2.4.6	Kedudukan Dalam Keluarga	60
2.4.7	Jumlah Adik Beradik	60
2.4.8	Kecenderungan Keusahawanan Dalam Keluarga 'Role Model'	61

## **BAB 3 : METHODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	62
3.2	Konseptual dan Rangka Kerja Teori	62



3.3	Definisi Operasi Pembolehubah Yang Berkaitan	64
3.3.1	Pembolehubah Bersandar dan Pembolehubah Tidak Bersandar	64
3.3.2	Pengukuran Pembolehubah Bersandar	65
3.3.3	Pengukuran Pembolehubah Tidak Bersandar	66
3.4	Kajian Hipotesis	67
3.5	Rekabentuk Kajian	70
3.5.1	Jenis Kajian	70
3.5.2	Populasi dan Sampel	71
3.5.3	Tatacara dan Persampelan	71
3.6	Rekabentuk Instrumentasi	74
3.7	Ujian Awal dan Pengesahan Instrumen	74
3.8	Kaedah Pengumpulan Data	75
3.9	Analisa Data	76
3.9.1	Statistik Deskriptif	76
3.9.2	Statistik Inferensi	76
3.9.3	Tingkat Signifikan	77
3.10	Penutup	77

## **BAB 4 : ANALISIS DAN KEPUTUSAN**

4.1	Pengenalan	78
4.2	Taburan Frekuensi Dan Peratusan Faktor Demografi	78
		78
4.2.1	Butir Diri	81
4.2.2	Ciri-Ciri Keluarga	83
4.2.3	Latar Belakang Pendidikan	86
4.2.4	Latar Belakang Iubapa	
4.3	Ujian Hipotesis	87
4.4	Penutup	101

## **BAB 5 : PERBINCANGAN, INTERPRETASI DAN IMPLIKASI**

5.1	Pengenalan	102
5.2	Perbincangan dan Interpretasi	102
5.3	Implikasi	108

## **BAB 6 : RINGKASAN, CADANGAN DAN PENUTUP**

6.1	Pengenalan	110
6.2	Keseluruhan Kajian	110
6.3	Cadangan	112
6.4	Cadangan Penyelidikan Masa Hadapan	113

<b>RUJUKAN</b>	117
----------------	-----

**LAMPIRAN**

1.1	Surat Memohon Kebenaran Kajian Kepada Pengarah Kemahiran MARA	124
1.2	Surat Kebenaran Kajian Dari Pengarah Kemahiran MARA	125
1.3	Soalselidik Kajian	126

Hak Milik MARA

## SENARAI JADUAL

JADUAL	PERKARA	MUKA SURAT
2.1	Perkembangan Definisi Usahawan	15
2.2	Definisi dan Ciri-Ciri Usahawan	17
2.3	Kajian Keperluan Pencapaian dan Keusahawanan	30
2.4	Kajian Lokus Kawalan Dalam Keusahawanan	35
2.5	Kajian Pengambilan Risiko	40
2.6	Perbandingan Di Antara Usahawan Lelaki dan Wanita	51
2.7	Jumlah Pendidikan Usahawan	55
2.8	Pekerjaan Ibumama Usahawan	59
3.1	Sampel Kajian	73
4.1	Umur Responden	79
4.2	Jantina Responden	79
4.3	Tempat Tinggal Responden	80
4.4	Taburan Responden Mengikut Negeri	81
4.5	Kedudukan Responden Dalam Keluarga	82
4.6	Jumlah Adik Beradik Responden	82
4.7	Kecenderungan Keusahawanan Keluarga	83
4.8	Jurusan Kemahiran	84

4.9	Tempat Latihan Responden	85
4.10	Tahap Pendidikan Responden	85
4.11	Tahap Pendidikan Ibubapa Responden	86
4.12	Pekerjaan Utama Ibubapa	87
4.13	Hubungan Umur Dengan Kecenderungan Keusahawanan	88
4.14	Hubungan Jantina Dengan Kecenderungan Keusahawanan	89
4.15	Hubungan Tempat Tinggal Dengan Kecenderungan Keusahawanan	90
4.16	Hubungan Negeri Dengan Kecenderungan Keusahawanan	91
4.17	Hubungan Kedudukan Dalam Keluarga Dengan Kecenderungan Keusahawanan	92
4.18	Hubungan Jumlah Adik Beradik Dengan Kecenderungan Keusahawanan	93
4.19	Hubungan Kecenderungan Keusahawanan Keluarga Dengan Kecenderungan Keusahawanan	94
4.20	Hubungan Jurusan Kemahiran IKM Dengan Kecenderungan Keusahawanan	95
4.21	Hubungan Tempat Latihan Dengan Kecenderungan Keusahawanan	96
4.22	Hubungan Tahap Pendidikan Dengan Kecenderungan Keusahawanan	97
4.23	Hubungan Tahap Pendidikan Ibu Dengan Kecenderungan Keusahawanan	98

4.24	Hubungan Tahap Pendidikan Bapa Dengan Kecenderungan Keusahawanan	99
4.25	Hubungan Pekerjaan Ibu Dengan Kecenderungan Keusahawanan	99
4.26	Hubungan Pekerjaan Bapa Dengan Kecenderungan Keusahawanan	100
6.1	Kesimpulan Keputusan Ujian Hipotesis	111

Hak Milik MARA

## SENARAI RAJAH

RAJAH	PERKARA	MUKA SURAT
3.1	Model Kajian Kecenderungan Keusahawanan	63

Hak Milik MARA

# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 Pengenalan**

Bab ini menerangkan mengenai konteks kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, andaian dan batasan kajian, dan seterusnya pendekatan penyampaian laporan.

### **1.2 Konteks Kajian**

Kecenderungan ke arah bidang keusahawanan banyak dipengaruhi oleh nilai-nilai hidup seseorang itu. Menurut Gasse (1982) yang dipetik oleh Nawawi (1992), nilai-nilai hidup ditakrifkan sebagai suatu konsepsi umum dan tersusun, mempengaruhi perilaku semulajadi seseorang. Nilai-nilai hidup adalah satu set kepercayaan terhadap pelbagai aspek dalam persekitaran seseorang dan mempengaruhi pemikiran seseorang terhadap sesuatu idea dan pandangannya terhadap orang lain. Dalam hal ini, kecenderungan seseorang itu adalah penting di dalam menentukan samada seseorang itu berminat terhadap sesuatu perniagaan. Ekoran daripada ini, seseorang yang mengikuti latihan kemahiran juga perlu mempunyai kecenderungan yang positif terhadap bidang perniagaan bagi membolehkan mereka meminati bidang keusahawanan yang kian mencabar.

Dalam konteks keusahawanan, beberapa kaji selidik telah membuktikan wujudnya nilai-nilai keusahawanan seperti berikut:



<b>Nilai-Nilai Keusahawanan</b>	<b>Hasil Penyelidikan</b>
1. Inovatif	Schumpeter J.S (1934)
2. Kebebasan/Hakmilik	McClelland & Winter (1969)
3. Prestasi Luar Biasa	McClelland & Winter (1969)
4. Menilai dan Menghormati tugas	Nancy (1973), Fox (1973)

Mereka yang mempunyai nilai-nilai keusahawanan seperti inovatif, kebebasan/hakmilik, berorientasi ke arah kecemerlangan dan menghormati tugas atau kerja secara amnya mewujudkan suatu "kecenderungan" untuk bertindak dalam arah yang sama di dalam apa jua situasi. Contoh, mereka yang mempunyai nilai-nilai inovatif akan mempunyai kecenderungan untuk menggunakan imaginasi untuk mengesan peluang dan matlamat.

Di samping itu, nilai-nilai keusahawanan akan juga mewujudkan kecenderungan untuk bertindak seperti yang berikut:

1. Kecenderungan untuk menggunakan imaginasi dan gerak hati (intuition) (Prasad, 1976 dan Hagen, 1971).

2. Kecenderungan untuk mengambil risiko yang dihitung (calculated) (McClelland, 1969).
3. Kecenderungan untuk mencari kebebasan bertindak dan memberi pendapat (Rao and Metha, 1978).
4. Kecenderungan untuk mencari peluang-peluang berekonomik (Meredith et al, 1982).
5. Kecenderungan untuk mencari kepuasan hasil daripada penyelesaian tugas yang cemerlang (McClelland and Winter, 1969).
6. Kecenderungan untuk mempercayai yang mereka mempunyai kemampuan mengubah persekitaran (Rao and Metha, 1978).
7. Kecenderungan untuk mengambil inisiatif (Hornaday, 1986 dan Pizer, 1969).
8. Kecenderungan untuk menganalisis situasi dan mewujudkan rancangan bertindak (Meredith et al, 1982).

Justeru itu, kecenderungan boleh memainkan peranan penting kepada seseorang dalam bidang keusahawanan. Oleh yang demikian, adalah wajar pelatih kemahiran mempunyai kecenderungan yang positif

terhadap bidang keusahawanan supaya mereka dapat memupuk minat yang tinggi dan kompeten terhadap bidang tersebut.

Menurut Nawawi (1992), penyelidik-penyelidik dalam bidang keusahawanan telah mengkategorikan tiga bentuk kompetensi yang perlu ada di dalam diri seseorang usahawanan. Tiga kategori kompetensi tersebut adalah seperti berikut:

1. kompetensi perilaku
2. kompetensi memulakan perniagaan
3. kompetensi untuk menguruskan perniagaan

Sejak kebelakangan ini banyak perniagaan samada besar mahupun kecil telah wujud bagi menampung keperluan dan permintaan dari pengguna. Menurut Steward and Boyd (1968), kebanyakan wanita dan penuntut institusi pengajian tinggi berminat di dalam memulakan dan memiliki perniagaan. Pengetahuan terhadap bidang ini boleh mendorong mereka untuk lebih cenderung ke arah keusahawanan sebagai pilihan kerjaya setelah mereka menamatkan pengajian. Dalam hal ini, pendidikan formal dengan tumpuan khas kepada keusahawanan boleh membantu seseorang itu memulakan perniagaan.

Tidak dapat dinafikan, bidang keusahawanan semakin diminati ramai sejak kebelakangan ini. Di Amerika Syarikat, banyak universiti telah

menawarkan kursus-kursus di dalam bidang keusahawanan. Menurut Vesper dan McMullan (1988), terdapat peningkatan penawaran latihan keusahawanan secara formal. Daripada hanya beberapa universiti yang menawarkan latihan keusahawanan dalam tahun 1960 kepada lebih 400 kolej dan universiti yang menawarkan bidang berkenaan dalam tahun 1990 an. Tambahan kepada ini, organisasi utama di peringkat antarabangsa juga telah terlibat dalam pembangunan keusahawanan.

Di Malaysia, berbagai usaha telah dilakukan bagi meningkatkan dan seterusnya melahirkan lebih ramai lagi usahawan khususnya di kalangan Bumiputera. Malah bagi memantapkan lagi penyelarasan kerja-kerja pembangunan usahawan di negara ini, sebuah Kementerian dikenali sebagai Kementerian Pembangunan Usahawan telah ditubuhkan.

### 1.3 **Pernyataan Masalah Kajian**

Institut Kemahiran MARA (IKM) merupakan salah sebuah institut kemahiran yang ditubuhkan sebagai alternatif bagi pelajar yang tidak berpeluang melanjutkan pelajaran mereka dalam bidang akademik. Dalam melaksanakan program latihan berkenaan, IKM menyediakan pelbagai kursus kemahiran dan ketukangan yang meliputi bidang seperti bangunan,

perkayuan, mekanikal, kerja logam, automotif, elektrik, elektronik dan lukisan. Sehingga kini terdapat sebelas buah IKM di seluruh Malaysia.

Objektif utama IKM adalah untuk:

- a) membekal gunatenaga mahir dan separa mahir yang diperlukan oleh negara.
- b) melengkapkan para belia bumiputera dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran guna (applied skills) untuk meningkatkan peluang mereka mendapat pekerjaan terutamanya dalam sektor swasta.
- c) Mengurangkan kadar pengangguran di kalangan belia bumiputera.
- d) melatih dan menggalak belia-belia bumiputera untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan secara lebih meluas dan berkesan.

Dengan pelaksanaan program peringkat tertinggi dan kerjasama dengan pihak luar, pelatih-pelatih IKM mempunyai peluang untuk melanjutkan latihan kemahiran mereka di peringkat yang lebih tinggi seperti di German Malaysian Institute, (GMI) Malaysian French Institute (MFI) dan lain-lain lagi.

Di samping itu, penglibatan diri dalam bidang keusahawanan bagi pelatih-pelatih IKM tidak dilupakan. Selain memberi semangat atau motivasi

keusahawanan kepada mereka, satu kursus keusahawanan diwajibkan ke atas pelatih-pelatih IKM. Dengan ini, diharapkan agar kemahiran dan latihan praktikal yang diperolehi digunakan. Dalam hal ini, pelatih-pelatih IKM yang telah mempunyai kemahiran dan latihan seterusnya akan menceburi dalam bidang keusahawanan. Oleh itu, kecenderungan ke arah keusahawanan merupakan faktor yang penting dalam menentukan sama ada seseorang itu berminat atau tidak dalam menceburi bidang keusahawanan.

Berdasarkan kepada pernyataan masalah di atas, persoalan utama terhadap penyelidikan/kajian ini adalah seperti berikut:

- a) Sejauhmanakah pelatih-pelatih IKM mempunyai ciri-ciri kecenderungan terhadap keusahawanan iaitu keperluan pencapaian, lokus kawalan, kecenderungan untuk mengambil risiko, kesabaran dalam menghadapi kesamaran, keyakinan diri dan inovatif?
- b) Sejauhmanakah hubungan faktor-faktor keluarga dan sosio-demografi terhadap kecenderungan keusahawanan pelatih IKM ini?

#### 1.4. **Objektif Kajian**

Secara khususnya, objektif kajian ini ialah:

- a) Untuk melihat tahap kecenderungan terhadap ciri-ciri keusahawanan iaitu keperluan pencapaian lokus kawalan, mengambil risiko, kesabaran menghadapi kesamaran, keyakinan diri dan inovatif di kalangan pelatih-pelatih IKM.
- b) Untuk melihat sama ada hubungan di antara ciri-ciri keluarga seperti kedudukan dalam keluarga bilangan adik beradik dan kecenderungan keusahawanan keluarga mempengaruhi kecenderungan pelatih-pelatih IKM.
- c) Untuk melihat sama ada faktor-faktor sosio-demografi seperti umur, jantina, kursus yang diambil, tempat latihan, tempat tinggal, latar belakang pendidikan dan latar belakang ibubapa/penjaga mempengaruhi kecenderungan pelatih-pelatih IKM terhadap bidang keusahawanan.

#### 1.5 **Kepentingan Kajian**

Kepentingan kajian ini boleh dibahagikan kepada tiga tujuan utama, iaitu:

- a) Ia boleh digunakan sebagai alat untuk membantu kerjaya atau sebagai pendekatan untuk kemasukan ke program keusahawan di kalangan pelatih-pelatih IKM.
- b) Ia boleh memberikan satu tindakbalas atau 'imput' bagi perancangan mengenai keperluan kurikulum dan latihan di masa hadapan dengan berkesan ke arah mewujudkan kecenderungan keusahawanan di kalangan pelatih-pelatih IKM.
- c) Cadangan-cadangan yang berguna hasil dari penemuan kajian ini dapat membantu pihak IKM dalam mengembangkan kecenderungan keusahawanan di kalangan pelatih.

## 1.6 Skop, Andaian Dan Batasan Kajian

### 1.6.1 Skop Kajian

Skop kajian ini adalah untuk mengkaji mengenai kecenderungan keusahawanan di kalangan pelatih tahun akhir di IKM di bahagian utara Malaysia iaitu IKM Alor Setar, Sungai Petani, Kedah, Beseri, Perlis dan Lumut, Perak.



### 1.6.2 **Andaian Kajian**

Andaian kajian ini adalah seperti berikut:

- a) Adalah diharapkan sampel yang dipilih iaitu pelatih tahun akhir IKM di bahagian utara Malaysia dapat mewakili populasi kajian sebenar.
- b) Teori, konsep dan penyelidikan lepas mengenai kecenderungan keusahawanan dapat menggambarkan ciri-ciri keusahawanan di kalangan pelatih-pelatih IKM.

### 1.6.3 **Batasan Kajian**

Kajian ini mempunyai beberapa batasan seperti berikut:

- a) Batasan kewangan menyebabkan pengkaji terpaksa menyesuaikan kaedah kajian berdasarkan peruntukan yang terhad. Oleh yang demikian proses pengumpulan data hanya dilakukan melalui soal selidik sahaja.

- b) Instrumen ujian yang digunakan dalam kajian ini diadaptasikan dari perbagai sumber seperti Cook (1980), Barcelona (1990), Charlesworth (1973), UP-ISSI (1978), Bajaro (1989), Caird (1988) dan Salleh (1992). Oleh itu ujian semula kebolehpercayaan (retest reliability) soal selidik bagi kajian ini merupakan salah satu yang menjadi batasan dalam kajian ini. Walau bagaimanapun, untuk mengenalpasti kebolehpercayaan dan pengesahan, ujian awal telah dijalankan.
- c) Soal penterjemahan bahasa juga menjadi batasan kepada kajian ini. Soal selidik yang asal di dalam bahasa Inggeris diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia yang mungkin boleh menjejaskan makna kenyataan dalam soal selidik.
- d) Sampel kajian ini hanya pelatih tahun akhir di IKM di bahagian utara Malaysia. Oleh itu hasil dari penemuan ini dapat diterima pakai secara umum kepada pelatih IKM di bahagian utara Malaysia sahaja.

## 1.7 Pendekatan Penyampaian Laporan

Laporan kajian ini dibahagikan kepada enam bab. Bab pertama mengariskan mengenai pernyataan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, andaian dan batasan kajian. Bab kedua mengenengahkan ulasan karya mengenai ciri-ciri keusahawan, faktor-faktor yang mempengaruhi keusahawan seperti ciri-ciri psikologi ciri-ciri sosio demografi dan ciri-ciri keluarga. Bab ketiga ialah mengenai methodologi kajian yang mengariskan rekabentuk kajian, instrumentasi dan kaedah menganalisis data. Bab keempat melaporkan analisis dan keputusan. Bab kelima akan mengemukakan perbincangan, interpretasi dan implikasi. Seterusnya Bab keenam menerangkan ringkasan, cadangan dan penutup.

## **BAB 2**

### **KECENDERUNGAN KEUSAHAWANAN**

#### **2.1 Pengenalan**

Bab ini menerangkan pelbagai definisi usahawan dan keusahawanan, pendekatan-pendekatan kajian terhadap kecenderungan keusahawanan dari segi ciri-ciri psikologi, sosio demografi dan keluarga yang mempengaruhi keusahawanan.

#### **2.2 Definisi Usahawan dan Keusahawanan**

Menurut Hisrich dan Peters (1995) perkataan 'entrepreneur' dalam bahasa Inggeris berasal daripada bahasa Perancis 'entreprende' yang bermaksud memikul tugas atau tanggungjawab atau mencuba. Dari awal penggunaan perkataan 'entrepreneur' oleh Richard Cantillon iaitu kira-kira dalam tahun 1775 lagi sudah jelas menunjukkan terhadap kegiatan dalam perniagaan. Perkembangan definisi usahawan dari permulaan ketahun 1985 dapat dilihat dalam Rajah 2.1 berikut:-

**Jadual 2.1 : Perkembangan Definisi Usahawan**

Tahun	:	Definisi
Asal dari Bahasa Perancis	:	bermakna “between-taker” atau “go-between”
Zaman pertengahan	:	pelakon (aksi peperangan) dan seseorang yang mengetahui projek pengeluaran yang besar.
Abad yang Ketujuh Belas	:	seseorang yang menanggung resiko samada untung/rugi dalam kontrak harga tetap dengan kerajaan.
1725	:	Richard Cantillon - melihat usahawan sebagai seseorang yang menanggung risiko itu berbeza dengan seseorang yang mengeluarkan modal.
1797	:	Beaucaeu - seseorang yang menanggung risiko, perancangan, penyeliaan, dan memiliki.
1803	:	Jean Baptiste Say - mengasingkan keuntungan usahawan dari keuntungan modal.
1876	:	Francis Walker - mengenalpasti di antara mereka yang menyediakan modal dan menerima faedah dengan mereka yang menerima keuntungan dari keupayaan pengurusan.
1934	:	Joseph Schumpeter - Usahawan adalah seorang yang inovatif dan mampu mengembangkan teknologi yang belum pernah dicuba lagi.
1961	:	David McClelland - Usahawan adalah seorang yang gigih mengambil risiko yang sederhana.

Sambungan Jadual 2.1 : Perkembangan Definisi Usahawan

Tahun	:	Definisi
1964	:	Peter Drucker - Usahawan memaksimumkan peluang-peluang yang ada.
1975	:	Albert Shapero - Usahawan mengambil inisiatif mengatur mekanisme sosial dan ekonomi dan menerima risiko kegagalan.
1980	:	Karl Vesper - Usahawan dilihat berbeza oleh ahli ekonomi, psikologi, ahli perniagaan dan ahli politik.
1983	:	Gifford Pinchot - 'Intrepeneur" adalah seorang usahawan yang telah berada dalam organisasi yang ditubuhkan.
1985	:	Robert Hisrich - Keusahawanan adalah satu proses di dalam mereka/mengeluar sesuatu yang berlainan dengan nilai dengan melapangkan masa dan tenaga, mengalami kewangan, psikologi dan risiko sosial dan menerima imbuhan kewangan dan kepuasan diri.

Sumber : Robert D. Hisrich (1986) m.s. 96.

Penyelidikan-penyelidik seperti B.C Meade (1915), R.E Heilman (1915), A.S Dewing (1919), J. Schumpeter (1934), C.H. Dandof dan H.G. Evans (1957) mendefinisikan usahawan berasaskan perlakuan individu. Menurut Evans (1957) usahawan dirujuk sebagai individu atau kumpulan yang menggalas tugas dengan menentukan jenis perniagaan dan membuat keputusan mengenai bentuk barangan dan perkhidmatan, saiz perniagaan

dan pasaran tumpuan. Apabila keputusan ini telah dibuat, keputusan-keputusan lain yang berkaitan dengan matlamat yang telah ditetapkan oleh usahawan boleh diwakilkan (delegated). Dan usahawan terus berfungsi dalam keadaan yang sentiasa berubah. Dengan lain perkataan, Evans cuba menjelaskan bahawa peranan pengurus boleh diwakilkan tetapi peranan usahawan tidak boleh.

Menurut Kao (1993) usahawan adalah seseorang yang mengambil proses mencipta kekayaan dan penambahan nilai-nilai melalui ide-ide yang bernas, menghimpunkan sumber-sumber dan membuat sesuatu terjadi. Manakala keusahawanan adalah satu proses dalam membuat sesuatu yang baru dan berlainan untuk tujuan penambahan kekayaan untuk individu dan mengembangkannya untuk kemakmuran masyarakat. Jeffrey A. Timmons (1990) pula telah mendefinisikan keusahawanan:

“is the ability to create and build a vision from practically nothing : fundamentally it is a human, creative art. It is the application of energy to initiating and building an enterprise or organization rather than just watching a analysing. This vision requires a willingness to take calculated risks - both personal and financial and then to do everything possible to reduce the chances of failure. Entrepreneurship also includes the ability to build an entrepreneurial or venture team to complement your own skills, and talents. It is the knack of sensing an opportunity where others see chaos, contradiction and confusion. It is possessing the know-how to find, marshal and control resources (often owned by others).

(Jeffrey A. Timmons, 1990, m.s 5-6)

Dalam pada itu Gardner (1989) yang dipetik oleh Jennings (1994) menyusun dan menyenaraikan definisi serta ciri-ciri usahawan dan keusahawanan seperti dalam Jadual 2.2 berikut:

**Jadual 2.2 : Definisi dan Ciri-Ciri Usahawan**

<b>Pengarang</b>	<b>Definisi</b>	<b>Ciri-Ciri</b>
Brockhaus (1980)	seorang usahawan didefinisikan sebagai seorang pemilik utama dan pengurus satu perniagaan yang sukar dan tidak dikerjakan di tempat lain (m.s. 510).	Kecenderungan mengambil risiko.
Cole (1959)	aktiviti yang amat berguna (termasuk suatu urutan keputusan yang bersepadu) seorang individu atau kumpulan individu, mengambil tanggungjawab penting, mengekalkan atau unit perniagaan berorientasikan keuntungan untuk pengeluaran atau agihan barangan ekonomi dan perkhidmatan (m.s. 7)	
Collins dan Moore (1970)	Kita membezakan antara pembina organisasi yang mencipta suatu yang baru dan firma yang bebas dan mereka yang membentuk fungsi keusahawanan di dalam organisasi yang telah didirikan. Barangkali kita semua selepas itu berfikir mengenai usahawan dalam cara mengikut pandangan Schumpeter iaitu memandang usahawan sebagai "setiap orang ialah seorang usahawan bila dia sebenarnya melakukan kombinasi yang baru dan menghilangkan ciri-ciri sebaik sahaja dia mendirikan perniagaannya. (m.s. 10).	Pekerjaan ibubapa, pendidikan, kepuasan kerja dahulu dan sikap sosial.
Cooper dan Dunkelberg (1981)	Kertas kerja ini melapurkan di atas apa yang kita percaya mengenai sampel usahawan yang terbesar dan sangat berbeza yang telah dikaji hingga hari ini. Penemuan adalah dari satu survey seramai 1805 pengurus-pemilik.	Ibubapa, pendatang, Pendidikan, bilangan kerja dahulu, umur.



**Sambungan Jadual 2.2 : Definisi dan Ciri-Ciri Usahawan**

Pengarang	Definisi	Ciri-Ciri
Davids (1963)	Pengasas perniagaan baru (m.s 3).	Pendidikan, bilangan anak, agama, sukan dan kelab gabungan.
DeCarlo dan Lyons (1979)	Tidak memberi definisi	Umur, kadar umur, pendidikan, usaha keusahawanan dahulu rejimentasi, erti permulaan, pencapaian, auto-nomi, pencero-bohan, kebebasan, kepimpinan, sokongan dan penyesuaian.
Draheim (1972)	Keusahawanan - tindakan yang mengasas satu syarikat baru di mana dahulunya tidak wujud. Usahawan ialah individu dan usahawan-usahawan adalah kumpulan kecil individu-individu yang menjadi pengasas syarikat baru.	
Durand, (1975)	Tidak memberi definisi.	Motivasi pencapaian "locus of control". latihan.
Ely dan Hess (1937)	Individu, atau kumpulan individu yang mengadaikan tanggungjawab menggabungkan faktor-faktor pengeluaran ke dalam sebuah organisasi perniagaan dan menjadikan organisasi ini beroperasi ..... dia berkuasa ke atas tenaga industri, dan di atasnya terletak seluruh tanggungjawab untuk kejayaan dan kegagalan mereka (m.s. 113).	Tidak memberikan ciri-ciri.
Gomolka (1977)	Tidak memberi definisi	Jantina, umur, etnik, pendidikan, kerja ibubapa dan latar belakang sosial.

sambungan Jadual 2.2 : Definisi dan Ciri-Ciri Usahawan

Pegarang	Definisi	Ciri-Ciri
Gould (1969)	Tidak memberi definisi	Persatuan "deliquent" tanggapan terhadap peluang, kelas sosial, motivasi pencapaian
Hartman (1959)	Satu perbezaan antara pengurus dan usahawan dalam hal pembangunan mereka kepada kuasa yang formal dalam organisasi industri .... Usahawan mungkin menimbangkan kuasa formalnya secara bebas atau dia boleh menerangkan kuasanya setelah diturunkan kepada orang lain, kepada pemegang saham. Tetapi di dalam organisasi dia seorang sahaja sumber semua kuasa formal. Pengurusan didefinisikan sebagai bukan sumber semua kuasa. Garis sempadan antara usahawan dan pengurus kemudian akan diterangkan dengan jelas (m.s 450-451).	
Hisrich O'Brien (1971)	Tidak memberi definisi	Disiplin diri dan ketekunan keinginan berjaya, orientasi tindakan, matlamat orientasi, tingkat kuasa.
Hornaday dan Aboud (1971)	Kejayaan usahawan telah didefinisikan sebagai seorang lelaki atau perempuan yang memulakan satu perniagaan yang mana dahulunya tiada, mereka yang mempunyai sekurang-kurangnya lapan orang pekerja dan telah mendirikan perniagaan itu selama sekurang-kurangnya lima tahun.	Keperluan untuk pencapaian autonomi, pencerobohan, pengiktirafan, kepimpinan bebas, rejimentasi, latar belakang keluarga, kuasa, kecenderungan innovasi.

sambungan Jadual 2.2 : Definisi dan Ciri-Ciri Usahawan

Pegarang	Definisi	Ciri-Ciri
Hornaday dan Bunker (1970)	Usahawan yang berjaya adalah seorang individu yang memulakan satu perniagaan, mendirikan di mana belum ada perniagaan yang dahulu berperanan dan meneruskannya untuk tepoh sekurang-kurangnya lima tahun kepada struktur membuat keuntungan sekarang ... dengan lima belas orang atau lebih pekerja (m.s. 50).	Keperluan untuk pencapaian, cerdas, kreativiti, tingkat tenaga, mengambil daya usaha, kepercayaan diri, kepemimpinan, keinginan untuk wang, keinginan pengiktirafan, desakan pencapaian, kuasa penggabungan, pertimbangan mengenai perkara yang tidak menentu.
Howell (1972)	Keusahawanan - tindakan pengasas sebuah syarikat baru yang belum wujud sebelum ini. Usahawan ialah individu dan usahawan-usahawan adalah kumpulan kecil orang-orang yang mengasas syarikat baru. Istilah ini juga digunakan untuk menentukan yang pengasas mempunyai hak milik yang signifikan dalam perniagaannya.	Umur, taraf perkahwinan, aktiviti luaran, tingkat pendidikan, bilangan kerja terdahulu, desakan kerja terdahulu dan pengaruh.
Hull, Bosley dan Udell (1980)	Seorang individu yang mengelolakan dan mengurus tanggungjawab satu perniagaan dengan mengendalikan untuk tujuan keuntungan. Untuk tujuan ini definisi yang standard ini akan dikembangkan kepada individu termasuk individu yang membeli atau mewarisi suatu kewujudan perniagaan dengan niat (dan berusaha ke arah) untuk mengembangkannya (m.s. 11).	Minat dalam kewangan dan kemasyuran, keinginan sosial, keutamaan tugas, 'locus of control'. Kecenderungan mengambil risiko, kreativiti dan pencapaian.
Lachman (1980)	Usahawan ialah dianggap sebagai seorang individu yang menggunakan kombinasi baru faktor pengeluaran untuk mengeluarkan jenama pertama dalam sebuah industri.	Umur, lamanya di Israel, pendidikan, pekerjaan bapa, pencapaian motivasi, orientasi pencapaian.

sambungan Jadual 2.2 : Definisi dan Ciri-Ciri Usahawan

Pegarang	Definisi	Ciri-Ciri
Lavington (1922)	Dalam zaman moden usahawan diandaikan dalam banyak bentuk. Dia mungkin seorang ahli perniagaan persendirian, seorang koperasi masyarakat, seorang ahli majlis perbandaran atau badan yang sama (m.s. 19).	Tidak memberikan ciri-ciri.
Leibenstein (1968)	Melalui keusahawanan secara rutin kita bermakna melibatkan aktiviti dalam mengelola dan membawa ke atas penubuhan yang baik, berterusan yang mana bahagian peranan pengeluaran digunakan adalah diketahui umum dan yang mana berjalan dalam penubuhan yang baik dan dengan jelas mendefinisikan pasaran. Menerusi keusahawanan bermakna kita pentingkan aktiviti-aktiviti mewujudkan atau meneruskan sebuah perniagaan di mana tidak semua pasaran adalah baik dibangunkan atau jelas didefinisikan atau dalam mana bahagian yang sesuai mengenai peranan pengeluaran tidak diketahui sepenuhnya (m.s. 73).	
Liles (1974)	Kita telah memeriksa keusahawanan yang mana ia terlibat dalam perniagaan yang sukar dan penting mempertimbangkan apa yang kita temui yang usahawan adalah individu yang istimewa - luar biasa. Ini mungkin benar yang kejayaan usahawan menjadi sebahagian dari dirinya. Tetapi pada permulaannya bila mereka membuat keputusan memulakan kerjaya keusahawanan, mereka akan menumpukan benar-benar seperti lain-lain cita-cita, individu yang berjuang (m.s. 14).	

sambungan Jadual 2.2 : Definisi dan Ciri-Ciri Usahawan

Pegarang	Definisi	Ciri-Ciri
Litzinger (1965)	Perbezaan telah dilihat antara usahawan yang mana mereka adalah orang yang mempunyai matlamat dan orientasi tindakan sebagai yang berlawanan dengan pengurus yang mana melaksanakan polisi dan prosidur dalam mencapai matlamat. Pemilik motel mom dan pop kelihatan sebagai jenis keusahawanan yang melaburkan modalnya dan mengendalikan sebuah perniagaan (m.s. 268).	Mengutamakan risiko, bebas, kepimpinan, pengiktirafan, sokongan, penyesuaian, baik hati, struktur.
McClelland (1961)	Seseorang yang melaksanakan kawalan terhadap makna pengeluaran dan mengeluarkan lebih dari yang dia boleh guna dalam hal untuk menjualnya (atau untuk isirumah) .... Dalam amalan individu seperti ini bertukar menjadi peniaga, mengendalikan firma dan bebas (m.s 65).	Pencapaian, optimis, pengabungan, kuasa, bercermat, memastikan, kepercayaan dalam mencapai status, moral pasaran.
Mescon and Montanari (1981)	Usahawan didefinisikan sebagai pengasas perniagaan baru.	Pencapaian, autonomi, penguasaan, ketahanan, perintah, "locus of control".
Palmer (1971)	Peranan keusahawanan melibatkan pengukuran asas risiko dan mengambil risiko di dalam organisasi sebuah perniagaan. Tambahan lagi usahawan yang berjaya ialah individu yang boleh mngetahui keadaan risiko dan membetulkannya dan kemudian menentukan polisi yang akan meminimakan risiko yang terlibat .... Kemudian individu yang boleh mengukur membetulkan keadaan risiko, mereka tidak akan didefinisikan sebagai seorang usahawan (m.s. 38).	Tidak memberikan ciri-ciri.

sambungan Jadual 2.2 : Definisi dan Ciri-Ciri Usahawan

Pegarang	Definisi	Ciri-Ciri
Say (1816)	Agen yang menggabungkan semua makna pengeluaran dan yang mencari nilai dalam keluaran...membangunkan semula seluruh modal yang digunakan dan nilai upah, kadar bunga dan bayaran sewa asalkan keuntungan dipunyai oleh dirinya (m.s. 28-29)	Tidak memberikan ciri-ciri.
Schrage (1934)	Keusahawanan, sebagai yang didefinisikan secara intinya, mengandungi dalam membuat benda-benda yang umumnya tidak dibuat dalam sebab yang biasa dalam amalan perniagaan, ia secara intinya satu phenomena yang datang dari aspek yang luar mengenai kepimpinan (m.s. 254).	Tidak memberikan ciri-ciri.
Stauss (1944)	Kertas kerja ini ialah suatu perdebatan kemajuan pembahagian firma itu ialah usahawan.	Tidak memberikan ciri-ciri.
Thorne dan Ball (1981)	Tidak memberikan definisi.	Umur, bilangan perniagaan dahulu, pendidikan, latar-latar belakang keluarga.
Wainer dan Rubin (1969)	Skim usahawan McClelland ialah "mereka yang mengelolakan firma (unit perniagaan) yang meningkatkan kemampuan pengeluaran".	Pencapaian, kuasa, penggabungan.
Walsch dan Young (1982)	Tidak memberikan definisi.	'Locus of control', 'Machiavelliansim', sanjungan diri, mengambil risiko, bersikap terbuka terhadap inovasi, ketegasan, peraturan kerajaan, bersikap optimis terhadap ekonomi.

Sumber : Gartner (1989), dipetik oleh Jennings (1994) m.s 142 - 149.

Jadual 2.2 menyenaraikan kebanyakan ulasan-ulasan karya tentang usahawan dan keusahawanan. Walau bagaimanapun Gardner (1989) berpendapat banyak definisi yang dinyatakan dalam Jadual 2.2 telah menimbulkan masalah. Di antara masalah yang timbul dalam kebanyakan kajian, adalah pentakrifan mengenai keusahawanan yang tidak begitu jelas, hanya beberapa kajian sahaja yang menggunakan definisi yang sama, kekurangan persetujuan asas mengenai 'siapa seorang usahawan' itu yang mengakibatkan pemilihan sampel 'usahawan' yang serumpun dan kekurangan persetujuan dari segi ciri-ciri dan baka usahawan.

### 2.3 Ciri-Ciri Psikologi Berkaitan Keusahawanan

Terdapat banyak ciri-ciri psikologi yang dikaitakan dengan seorang usahawan. Antaranya Bloom (1987), Burch (1986), Gronemam dan Lear (1985), Henley (1987), Herbert dan Link (1982), Kuhn (1985), Kuratko dan Hodgets (1989), McClelland (1969, 1973), Nickhouse (1986), Schumpeter (1934), Sexton dan Van Auken (1982), Timmons (1985), White (1987), Yonekura (1984), Carol (1965), Manopol (1980), Bajaro (1989), Rotter (1966) dan Brockhaus (1990) yang mengiktiraf kepentingan ciri-ciri keusahawanan seperti berikut:-komitmen, keazaman, ketabahan, ikhtiar, keupayaan yang tinggi dalam menyelesaikan masalah,

mengalukan tindakbalas, lokus kawalan dalaman, keikhlasan dan kepercayaan, inovatif dan kreatif, mempunyai visi, keyakinan diri dan optimis, kebolehan mengambil risiko, kesabaran dalam menghadapi kesamaran dan fikiran terbuka, bertanggungjawab, kreatif, dinamik, pandai mencari jalan, utamakan kualiti dan kecemerlangan, penerimaan kepada maklumat baru. Keinginan untuk mencapai, mempunyai keperibadian yang lincah dan peramah, berpandangan depan dan suka mencuba; tidak suka kepada kesederhanaan, kelambatan, kurang cekap dan tidak jujur semasa umur mereka meningkat, paras kegagalan yang rendah, paras tenaga yang tinggi, keyakinan diri, berorientasikan maklumat, mengikuti standard mereka sendiri, meminati aspek kehidupan yang boleh mereka kawal, penyelidik yang sebenarnya dan menjadi pelajar yang berterusan; menganggap keuntungan sebagai tanda prestasi, tidak sabar, mantap dan disukai orang dan sebagai agen perubahan.

Cunningham dan Lischeron (1991) menganggap usahawan sebagai seorang individu dengan keunikan dalam nilai, kepercayaan, sikap dan keperluan yang mendorong mereka dan membezakan mereka dengan bukan usahawan. Menurut Lachman (1980) pula, seseorang yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan seorang usahawan mempunyai kecenderungan keusahawanan yang tinggi berbanding dengan seseorang yang tidak mempunyai ciri-ciri ini.



Walau bagaimanapun, ciri-ciri psikologi utama yang akan diselidik dalam kajian ini yang seringkali dikaitkan dengan keusahawanan ialah keperluan pencapaian, lokus kawalan, kecenderungan mengambil risiko, kesabaran dalam menghadapi kesamaran, keyakinan diri dan inovatif (Brockhaus dan Horwitz, 1986 : Bygrave, 1989; dan Ho dan Koh, 1992).

### **2.3.1 Keperluan Pencapaian**

Keperluan manusia telah ditimbulkan semenjak 2000 tahun yang lalu di mana Confucius pernah berkata bahawa seks dan makanan adalah semulajadi bagi manusia di muka bumi ini. Dalam pada itu beberapa orang ahli psikologi Amerika telah mendefinisikan berbagai keperluan seseorang individu berkenaan. Maslow (1954) contohnya, telah mengkaji tentang keperluan manusia dan mengkaitkan dengan disiplin pengurusan. Menurut Maslow keperluan boleh dibahagikan kepada lima kategori iaitu keperluan psikologi, keperluan keselamatan, keperluan kasih sayang dan saling memerlukan, menghargai dan dihargai dan keperluan penghargaan diri yang tinggi serta pencapaian diri.

Maslow dengan penyelidik yang lain seperti McClelland dan Alderfer (1972) telah bertanggungjawab dalam menyediakan teori hirarki keperluan asas bagi motivasi manusia.

Mengikut Murray (1938), keperluan pencapaian didefinisikan sebagai kemahuan (desire) atau kecenderungan (tendency) untuk melakukan sesuatu dengan cepat dan dengan sebaik yang mungkin. Ia termasuk juga untuk menyempurnakan dengan jayanya sesuatu yang susah. Hull, Bosley dan Udell (1980) pula, mendefinisikan keperluan pencapaian sebagai kemahuan (desire) untuk berjaya dan melakukan sesuatu dengan baik. Dalam pada itu, kejayaan diukur dengan piawai kecemerlangan seseorang individu. (Longenecker, Moore dan Petty, 1994).

Di peringkat permulaan, McClelland (1955) dipengaruhi oleh Murray dalam pengembangan teori keperluan pencapaian (Finemon, 1977). Walau bagaimanapun, dalam tahun 1961, McClelland menumpukan kepada masalah pertumbuhan ekonomi dan sikap keusahawanan dengan ciri-cirinya. McClelland (1961) dalam kajian mendapati pengaitan yang positif di antara keperluan pencapaian dan aktiviti keusahawanan. Mengikut McClelland tahap keperluan pencapaian antara seseorang itu

berbeza, dan individu yang mempunyai keperluan pencapaian yang rendah, didapati lebih rela atau berpuas hati dengan statusnya sekarang. Walau bagaimanapun mereka yang mempunyai tahap keperluan yang tinggi mempunyai kemahuan (desire) untuk berjaya. Melalui kajian McClelland (1961), mereka yang mempunyai tahap keperluan pencapaian yang tinggi akan menunjukkan sikap-sikap berikut:-

- (a) Pengambilan risiko moden sebagai fungsi kemahiran dan tidak nasib
- (b) Bertenaga dan/atau aktiviti 'novel instrumental'.
- (c) Tanggungjawab individu.
- (d) Keputusan berpunca dari pengetahuan; wang sebagai pengukur dalam keputusan; dan
- (e) Pengharapan dalam kemungkinan di masa akan datang.

Dalam kajian McClelland (1962), beliau telah mengurangkan senarai di atas kepada 3 ciri-ciri sikap iaitu:

- (a) Mengambil tanggungjawab keperibadian dalam mencari penyelesaian kepada masalah.

- (b) Menetapkan matlamat pencapaian yang sederhana dan mengambil risiko yang telah dihitung; dan
- (c) Berkehendakan tindakbalas yang konkrit mengenai prestasi.

Mengikut Shaver dan Scott (1991), teori McClelland mengenai keperluan pencapaian adalah satu ciri psikologi yang kuat dalam mempengaruhi sikap keusahawanan. Individu yang mempunyai keperluan pencapaian yang tinggi mempunyai kemahuan yang kuat untuk berjaya dan oleh itu lebih cenderung kepada keusahawanan. Penyelidik seperti Hornaday dan Aboud (1971), Komives (1972) dan Sexton Bowman (1983) mendapati keperluan pencapaian yang tinggi adalah merupakan ciri usahawan yang berjaya.

Kesimpulan McClelland bahawa individu yang mempunyai keperluan pencapaian yang tinggi akan cenderung ke arah keusahawanan telah membuka peluang kepada beberapa kajian-kajian lain seperti dalam Jadual 2.3 berikut:-

**Jadual 2.3 : Kajian Keperluan Pencapaian dan Keusahawan**

Penyelidik	Keputusan
1. McClelland (1961 - 1965)	Keperluan pencapaian yang tinggi dikaitkan dengan usahawan.
2. Schrage (1965)	Keperluan pencapaian yang tinggi mengakibatkan peningkatan dalam keuntungan atau rugi.
3. Wainer dan Rubin (1969)	Keperluan pencapaian yang tinggi dikaitkan dengan prestasi yang tinggi.
4. Meyer, Walker, dan Litwin (1961)	Usahawan memperoleh keperluan pencapaian yang tinggi berbanding dengan seorang pakar dalam sesuatu bidang.
5. Turner (1970)	Remaja dengan keperluan pencapaian yang tinggi datang daripada keluarga di mana bapa mereka terlibat dalam bidang keusahawan dalam status kerja.
6. Nandy (1978)	Keperluan pencapaian yang tinggi dikaitkan secara positif dalam kemasukan ke alam perniagaan tetapi tidak kepada kejayaan perniagaan.
7. Durand & Shea (1974)	Mereka yang mempunyai keperluan pencapaian yang tinggi adalah lebih aktif daripada mereka yang mempunyai keperluan pencapaian yang rendah.
8. Hornaday & Bunker (1970)	Usahawan memperolehi keperluan pencapaian yang tinggi berbanding dengan kebiasaan (norma).
9. Hornaday & Aboud (1971)	Usahawan memperolehi keperluan pencapaian yang tinggi berbanding dengan kebiasaan (norma).
10. De Carlo & Lyons (1979)	Usahawan wanita memperolehi keperluan pencapaian yang tinggi berbanding dengan kebiasaan (norma). Bukan minoriti memperolehi keperluan pencapaian yang tinggi berbanding dengan minoriti.

**Jadual 2.3 : Kajian Keperluan Pencapaian dan Keusahawan**

Penyelidik	Keputusan
11. Begley & Boyd (1986)	Penubuh (Pengasas) memperoleh keperluan pencapaian yang tinggi berbanding dengan bukan penubuh. Tiada perhubungan di antara keperluan pencapaian dan kejayaan kewangan.
12. Mescon & Montanari (1981)	Keperluan pencapaian broker tidak berapa berbeza dengan jenis dan lokasi perniagaan.
13. Sexton & Bowman (1983)	Pelajar yang mengambil pengkhususan dalam keusahawan mempunyai keperluan pencapaian yang tidak berapa tinggi berbanding dengan pelajar lain.
14. Hull, Bosley, & Udell (1980)	Keperluan pencapaian tidak berapa penting dalam membezakan di antara tinggi dan rendah dalam berkemungkinan untuk memulakan perniagaan.
15. Hines (1973)	Usahawan memperoleh keperluan pencapaian yang tinggi berbanding dengan kumpulan yang lain seperti jurutera, akauntan dan pengurus pertengahan.
16. Lachman (1980)	Motivasi pencapaian dan orientasi membezakan di antara usahawan dan pengurus.
17. Pandeg dan Tewary (1979)	Pemohon pinjaman yang berjaya menampakkan keperluan pencapaian yang tinggi berbanding dengan pemohon yang tidak berjaya.
18. Smith & Miner (1984, 1985)	Usahawan (high-growth) memperoleh keperluan pencapaian yang tinggi berbanding dengan pemilik (low-growth) dan bukan usahawan.
19. Smith, Brocker, & Miner (1987)	Berdasarkan kepada skor, terdapat pengaitan yang positif dengan pengukuran kejayaan syarikat. Jumlah skor dan skel pencapaian diri menunjukkan keputusan yang kukuh.
20. Johnson (1989)	Berdasarkan kepada skor, terdapat pengaitan yang positif dengan pertumbuhan jualan yang dijangka dan keuntungan dari jualan; skel pencapaian diri dengan pertumbuhan jualan yang dijangka, keuntungan dari jualan, pertumbuhan pekerjaan dan prestasi keseluruhan.

**Jadual 2.3 : Kajian Keperluan Pencapaian dan Keusahawanan**

<b>Penyelidik</b>	<b>Keputusan</b>
21. Carsrud & Olm (1986)	Motivasi pencapaian 3 - skel adalah penyebab utama dalam kejayaan ramalan dalam 1 - 49% kategori pemilihan bagi pemilik peniaga lelaki.

Sumber : Johnson, B.R., (1990) m.s. 44-45

### 2.3.2 Lokus Kawalan

Lokus kawalan adalah merupakan ciri-ciri usahawan yang menerangkan tanggapan mengenai segala balasan dan ganjaran yang berlaku dalam hidupnya. Individu yang memiliki lokus kawalan dalaman mempercayai mereka mampu mengawal peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam hidup mereka. Sementara individu yang mempunyai lokus kawalan luaran mempercayai peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam hidupnya akibat dari faktor-faktor luar seperti nasib buruk atau takdir.

Mengikut Rotter (1966), mereka yang mempunyai lokus kawalan dalaman adalah mereka yang mengutamakan pencapaian dan cenderung ke arah keusahawanan (Mitton, 1989). Manakala Hornaday (1971) dalam kajian tentang kejayaan usahawan melaporkan bahawa mereka memiliki lokus kawalan yang tinggi.

Begitu juga dengan Brockhaus (1975) dan Rupkey (1978) yang sama-sama mendapati individu yang mempunyai kecenderungan ke arah keusahawanan mempunyai lokus kawalan dalaman.

Menurut Scanlan (1979), seseorang yang memiliki lokus kawalan dalaman akan mempercayai bahawa mereka boleh mengawal dirinya dan sebarang kejayaan bergantung kepada kehendak dan keputusan mereka. Lokus kawalan dalaman adalah satu konsep psikologi yang penting di mana ia dikaitkan dengan keperilakuan yang positif yang menjurus kepada keusahawanan. Kelakuan yang dimaksudkan adalah seperti celik akal, ikhtiar, kesabaran, berpengaruh, pencapaian yang baik, penegasan, tidak bergantung kepada yang lain, keberkesanan, rajin dan tekun, kebolehan intelektual. (Joe 1971).

Borland (1975) dan Pandey dan Tewary (1979) telah menjalankan kajian mengenai perhubungan di antara keperluan pencapaian, lokus kawalan dan aktiviti keusahawanan. Dalam kajian ini, didapati usahawan mempunyai keperluan pencapaian dan lokus kawalan dalaman yang tinggi. Borland (1975) seterusnya mengkaji mengenai ciri-ciri pelajar pengurusan yang berminat untuk menjadi usahawan. Beliau mendapati:



- i) pelajar yang memiliki keperluan pencapaian dan lokus kawalan dalaman yang tinggi mempunyai kemungkinan besar akan memulakan sesuatu perniagaan.
- ii) lokus kawalan sedikit sebanyak akan mempengaruhi pencapaian oleh kerana pelajar yang memiliki lokus kawalan dalaman akan menampakkan kehendak orientasi pencapaian yang tinggi; dan
- iii) pernah atau tidak pernah bapa pelajar memulakan syarikat merupakan angubah yang paling penting sebagai ukuran niat untuk memulakan perniagaan.

Dalam pada itu, Andrisani dan Nestel (1976) telah menjalani kajian mengenai pergerakan kerjaya kaum lelaki di kalangan usahawan dan mendapati individu yang lebih berjaya mempunyai lokus kawalan dalaman. Scanlan (1979) mengkaji mengenai dua jenis golongan usahawan di mana satu pihak berminat dalam pertumbuhan dan perkembangan organisasi manakala satu pihak lagi merupakan tuanpunya perniagaan kecil. Adalah didapati

kedua-dua golongan ini mempunyai lokus kawalan yang sama iaitu berbentuk dalaman.

Brockhaus (1980) telah menjalankan kajian dalam tahun 1978 ke atas peniaga -peniaga dan mendapati ahli perniagaan yang mampu berdaya tahan pada tahun berkenaan mempunyai lokus kawalan dalaman yang lebih tinggi berbanding dengan peniaga-peniaga yang gagal. Daripada kajian ini, Brockhaus (1980) telah membuat kesimpulan bahawa individu yang mempunyai lokus kawalan luaran lebih suka berhenti berniaga daripada berusaha mengatasi kerugian yang dialami. Sementara itu, beberapa kajian-kajian lain mengenai lokus kawalan dalam keusahawanan dapat dilihat dalam Jadual 2.4 berikut:

**Jadual 2.4 : Kajian Lokus Kawalan Dalam Keusahawanan**

Penyelidik	Rumusan
1. Hornoday (1971)	Usahawan yang berjaya mempunyai lokus kawalan dalaman yang tinggi.
2. Brockhaus (1975)	Individu yang cenderung ke arah keusahawanan mempunyai lokus kawalan dalaman.
3. Rupley (1978)	
4. Borland (1975)	Usahawan lebih cenderung mempunyai keperluan pencapaian yang tinggi dan lokus kawalan dalaman.

**Jadual 2.4 : Kajian Lokus Kawalan Dalam Keusahawanan**

<b>Penyelidik</b>	<b>Rumusan</b>
5. Pandey & Tewary (1979)	
6. Andrisani & Nestel (1976)	Kajian 'Longitudinal' dalam pergerakan kerjaya usahawan. Mereka yang mempunyai lokus kawalan dalaman dilaporkan mempunyai kejayaan dalam kerjaya yang lebih tinggi.
7. Scanlan (1979)	Mengkaji dua jenis usahawan; kedua-dua kumpulan adalah 'dalaman'.
8. Anderson (1977)	Membuat kajian 'Longitudinal' mengenai usahawan dalam keadaan tertekan. Dilaporkan terdapat perubahan ke arah 'externality' bagi luaran di mana prestasi menurun.
9. Krolick (1979)	Usahawan dalam keadaan tertekan. Dilaporkan terdapat perubahan bagi 'dalaman' sahaja dalam arah 'luaran'.

Sumber : Jennings dan Zeithaml (1983), dipetik oleh Jennings (1994), m.s 170

### 2.3.3 Kecenderungan Mengambil Risiko

Kecenderungan mengambil risiko adalah satu ciri yang saling dikaitkan dengan keusahawanan. Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh seseorang usahawan tidak menentu hasilnya. Setiap aktiviti mungkin menghasilkan sesuatu yang baik atau mungkin sebaliknya. Seseorang individu itu tidak dapat dengan

tepat membuat ramalan tentang kemungkinan hasil yang akan diterima. Suasana inilah yang menghidupkan perwatakan seseorang usahawan.

Salah seorang pengerusi Syarikat Ford Motor pernah menyatakan tentang pengambilan risiko dalam keusahawanan

“We are allowing our managers to act more like entrepreneurs, like the owners of their own business - to let them know there are rewards for sensible risk-taking. When I say “risk-taking”, I’m not talking about “seat-of-the-pants” adventurism. I’m not talking about a Las Vegas roll of dice. I’m talking about a seasoned judgement that allows decisions to be made in a timely way - judgement that doesn’t require every issue to be studied to the point of exhaustion” (Gordon 1985).

Menurut Brochaus (1980) kecenderungan untuk mengambil risiko didefinisikan sebagai :

“the perceived probability of receiving the rewards associated with success of a proposed situation, which is required by an individual before he will subject himself to the consequences associated with failure, the alternative situation providing loss reward as well as severe consequences than the proposed situation”.

Usahawan terpaksa menghadapi berbagai bentuk risiko dalam memulakan atau menguruskan perniagaan mereka dari segi keuntungan, sosial atau psikologi (Hisrich and Peters 1995, Longenecker, Moore dan Petty, 1994). Menurut Bird (1989),

risiko melibatkan penilaian psikologi terhadap kemungkinan menunjukkan kejayaan atau kegagalan bagi sebarang tindakan atau rancangan. Beliau menambah lagi, usahawan mungkin menghadapi ketidakpastian, malah mengalami kerugian dalam perkara-perkara seperti kewangan, sosial dan keluarga, emosi dan fizikal (kesihatan dan keadaan baik), kerjaya atau pekerjaan di masa hadapan, organisasi (kemungkinan organisasi akan menghadapi pertumbuhan atau kejatuhan).

Menurut MacCrimman dan Wehrung (1986) yang dipetik oleh Bird (1989) risiko datang dari tiga penentuan atau sumber. Pertama, kurang kawalan disebabkan oleh kuasa asal, pengaruh dari orang lain dan kewujudan sumber, maklumat dan masa yang tidak mencukupi. Kedua, kekurangan maklumat di mana maklumat tidak lengkap, tidak boleh dipercayai, tidak biasa atau maklumat tidak boleh diramalkan. Ketiga, kekurangan masa di mana seseorang perlu membuat sesuatu keputusan sebelum mempunyai maklumat yang mencukupi atau dalam kawalan.

Mengikut Brockhaus Sr. (1980) terdapat tiga tahap risiko iaitu rendah, sederhana dan tinggi. Kesemua risiko ini memberi kesan ke atas keputusan seseorang individu dalam memulakan

perniagaannya. Mancuso (1975) menyatakan bahawa individu yang boleh dikatakan seorang usahawan yang kukuh, bersifat sederhana dalam pengambilan risiko.

McClelland (1961), Mescon (1979) dan Sexton (1980) menyatakan bahawa para usahawan suka memilih risiko yang bersifat sederhana. Brockhaus (1980) telah membuat perbandingan antara usahawan yang berjaya dengan usahawan yang gagal berdasarkan pengukuran risiko yang dipilih apabila mereka memulakan perniagaan. Dalam kajian ini didapati tiada perbezaan diperolehi di antara dua kumpulan tersebut. Justeru itu, Brockhaus telah membuat andaian bahawa pemilihan risiko berkemungkinan tidak mempunyai kaitan dengan kejayaan perniagaan. Sementara itu, King (1985) telah membuat kajian dalam membandingkan antara dua golongan iaitu golongan usahawan yang berjaya dan golongan usahawan yang tidak berjaya dalam perniagaan. Hasil kajian beliau menunjukkan min bagi usahawan yang berjaya adalah lebih tinggi dalam motivasi pencapaian, pengarahannya diri, lokus kawalan, kuasa dan penyelesaian masalah. Usahawan yang tidak berjaya pula mempunyai min yang lebih tinggi di dalam keupayaan mengambil risiko dan manipulasi. Hasil kajian ini menunjukkan faktor

pengambilan risiko tidak mempunyai kaitan dengan kejayaan dalam perniagaan.

Dalam kajian lain, Mills (1984), menyatakan bahawa pengambilan risiko adalah faktor yang utama dalam membezakan usahawan dengan pengurus. Manakala Kao (1989), pula menyatakan bahawa pengurus mempunyai tahap kesabaran dalam menghadapi kesamaran yang rendah dari usahawan dan kurang orientasi terhadap risiko. Mereka lebih suka memilih sesuatu yang selamat dalam penerokaan perniagaan dari yang mempunyai risiko untuk gagal dan mengalami kerugian. Beberapa kajian yang dijalankan oleh penyelidik mengenai pengambilan risiko yang dapat dirumuskan dalam jadual 2.5 berikut:-

Jadual 2.5 : Kajian Pengambilan Risiko

Penyelidik	Keputusan
1. Meyer, Walker & Litwin (1966)	Usahawan memberi keutamaan kepada risiko pertengahan
2. Hull, Bosley & Udell (1980)	Skor usahawan dalam pengambilan risiko adalah berbeza.
3. Brockhaus (1980)	Kecenderungan pengambilan risiko gagal untuk membezakan di antara usahawan dari pengurus.

Jadual 2.5 : Kajian Pengambilan Risiko

	<b>Penyelidik</b>	<b>Keputusan</b>
4.	Brockhaus (1980a)	Kecenderungan pengambilan risiko gagal untuk membezakan di antara usahawan yang berjaya dengan usahawan yang tidak berjaya.
5.	Sexton et al (1982)	Skor usahawan dalam pengambilan risiko tidak banyak berbeza.
6.	Sexton & Bowman (1983)	Skor bakal usahawan adalah rendah dalam 'harm avoidance'.
7.	Sexton & Bowman (1983)	Skor bakal usahawan adalah tinggi dalam pengambilan risiko.

Sumber : Sexton dan Bowman (1985), dipetik oleh Hisrich & Peters (1992).

#### 2.3.4 Kesabaran Dalam Menghadapi Kesamaran

Tanggapan kepada kesamaran timbul apabila individu tidak mempunyai maklumat yang mencukupi untuk menghadapi satu-satu situasi. Cara seseorang itu mengkaji situasi kesamaran dan menganalisis maklumat yang sedia ada, dengan pendekatan tertentu, mempamerkan kesabaran dalam menghadapi kesamaran seseorang itu. Dunia keusahawanan adalah begitu kompleks dan penuh dengan ketidakpastian. Ia berubah dengan pantas, mengikut arus perubahan dari segi peningkatan teknologi serta



peningkatan dalam persaingan. Oleh itu, sebelum memasuki perniagaan terutamanya yang baru perlu membuat perancangan yang baik dari segi memajukan perancangan perniagaan dan memerlukan kesabaran dalam menghadapi kesamaran dan penyesuaian yang tinggi.

Mengikut Begley dan Boyd (1987) dan Ho (1989), individu yang mempunyai kecenderungan ke arah keusahawanan patut mempunyai kesabaran dalam menghadapi kesamaran yang tinggi. Begley dan Boyd (1987) menghipotesis' bahawa terdapat perhubungan yang positif di antara kesabaran dalam menghadapi kesamaran dan kejayaan keusahawanan pada seseorang itu oleh kerana mereka menganggap rangsangan sesuatu yang baru (novelty) dan kerumitan (complexity) itu akan meningkatkan lagi daya kreatif dan memajukan lagi dalam persekitaran yang kompleks. Walau bagaimanapun hipotesis ini tidak disokong oleh keputusan dalam kajian mereka. Seseorang yang mempunyai kesabaran dalam menghadapi kesamaran yang tinggi menganggap situasi samar adalah mencabar dan cuba sedaya upaya untuk mengatasi situasi yang tidak kukuh dan tidak menentu ini supaya berjaya. Menurut Timmons (1976), usahawan lebih cenderung dan mempunyai kesabaran dalam menghaapi kesamaran yang

tinggi. Pendapat ini disokong oleh Sexton dan Bowman (1984) di mana usahawan mempunyai tahap kesabaran dalam menghadapi kesamaran berbanding dengan orang yang mempunyai kerjaya. Menurut Mitton (1989), usahawan bukan sahaja menjalankan operasi dalam persekitaran yang tidak menentu, malah mereka suka dan sanggup untuk mengambil risiko dan menghadapi ketidakpastian.

Secara amnya, kesabaran dalam menghadapi kesamaran adalah ciri usahawan dan sesiapa yang cenderung ke arah keusahawanan akan mempamerkan ciri ini lebih daripada orang lain (Schere 1992, Sexton dan Bowman, 1985).

#### **2.3.5 Keyakinan Diri**

Di dalam dunia keusahawanan terdapat berbagai cabaran. Lantaran itu, dalam mengharungi cabaran-cabaran ini, seseorang yang bergelar usahawan perlulah mempunyai keyakinan terhadap diri sendiri. Seseorang usahawan itu perlulah menunjukkan sikap yakin terhadap kemampuan diri untuk membuat keputusan dan dalam menyahut sesuatu cabaran. Ramai manusia yang gagal dalam mencapai matlamat hidup oleh kerana tidak yakin dengan

kebolehan diri sendiri. Menurut Kao (1995), keyakinan datang bersama kejayaan dan sesuatu kejayaan akan mengakibatkan kepada kejayaan yang lain. Beliau menjelaskan lagi lebih banyak kejayaan yang dialami oleh seseorang itu, akan lebih yakin seorang individu terhadap dirinya.

Mengikut Hornaday (1971) keyakinan diri adalah salah satu ciri yang berkaitan dengan kajian keusahawanan. Beliau menjelaskan keyakinan diri adalah ciri yang mempunyai hubungan yang rapat terhadap lain-lain ukuran seperti keperluan pencapaian yang tinggi, lokus kawalan dalaman dan kesabaran dalam menghadapi kesamaran yang tinggi. Begitu juga kesimpulan yang dibuat oleh Ho dan Koh (1992) mengenai keyakinan diri di mana ia adalah satu ciri keusahawanan dan berkaitan dengan ciri-ciri psikologi seperti lokus kawalan dalaman, kecenderungan mengambil risiko dan kesabaran dalam menghadapi kesamaran. Menurut Cunningham dan Lischeron (1991), banyak kajian empirikal mendapati usahawan mempunyai tahap keyakinan diri yang tinggi berbanding dengan bukan usahawan.

### 2.3.6 Inovatif

Individu dengan ide-ide, imaginasi dan pengetahuan amat penting pada masa hadapan. Dalam era di mana perubahan begitu cepat, penggunaan cara lama akan digantikan dengan cara yang baru dan unik. Justeru itu, usahawan perlu sentiasa berinovatif. Oleh kerana perubahan yang begitu cepat, mereka perlu menerima dan menyambut ide-ide baru supaya dapat menyaingi persaingan mereka.

Inovatif adalah satu fungsi dalam proses keusahawanan. Drucker (1985) menerangkan konsep inovasi:

“Innovation is the specific function of entrepreneurship..... It is the means by which the entrepreneur either create - new wealth - producing resources or endows existing resources with enhanced potential for creating wealth”.

Mengikut Howell dan Higgins (1990) inovasi adalah satu proses di mana usahawan menukar peluang-peluang kepada ide-ide yang boleh dipasarkan. Mengikut Kuratko dan Hodgetts (1995), terdapat empat jenis inovasi. Pertama, penciptaan: ciptaan produk baru, perkhidmatan atau proses kebiasaan yang baru atau

belum pernah dicuba. Kedua, tambahan : perkembangan produk, perkhidmatan atau proses yang telah wujud. Ketiga, penyalinan : replikasi produk yang telah wujud, perkhidmatan atau proses. Bagaimanapun, penyalinan ini bukan meniru bulat-bulat, tetapi menokohtambah dengan sentuhan kreatif usahawan untuk memperbaiki konsep bagi menyaingi pesaing-pesaing. Keempat, sintesis : kombinasi faktor dan konsep yang telah wujud ke dalam perumusan yang baru. Menurut Robinson et.al (1991) inovatif didefinisikan sebagai melihat dan bertindak dalam aktiviti perniagaan menggunakan cara yang baru dan unik. Menurut Schumpeter (1934) dan Mitton (1989), inovatif merupakan ciri yang penting bagi seorang usahawan. Sexton dan Bowman (1984), telah membuat kajian membandingkan antara pelajar keusahawanan yang mengambil pengkhususan dalam perniagaan dan bukan perniagaan. Didapati pelajar keusahawanan yang mengkhusus dalam perniagaan adalah lebih berpotensi dan inovatif berbanding dengan pelajar yang bukan mengkhusus dalam perniagaan. Dalam pada itu Silver (1983) mendapati usahawan yang tidak kreatif tidak berupaya mengenalpasti masalah berbanding dengan yang kreatif. Mengikut kajian Robinson et.al (1991) dan Ho dan Koh (1992) didapati usahawan adalah lebih inovatif berbanding dengan mereka yang bukan usahawan.

## 2.4 Ciri-Ciri Demografi Dan Keluarga Berkaitan Keusahawanan

Satu lagi pendekatan yang sering digunakan untuk mengkaji keusahawanan dan usahawan adalah dengan melihat kepada ciri-ciri demografi dan ciri-ciri keluarga di dalam mengenalpasti profil seorang usahawan. Pendekatan ini mengandaikan bahawa seseorang yang mempunyai latarbelakang yang sama adalah mempunyai ciri-ciri asas yang sama. Oleh yang demikian, adalah berkemungkinan untuk mengenalpasti seseorang yang mempunyai kecenderungan ke arah keusahawanan daripada mereka yang tidak mempunyai kecenderungan ke arah keusahawanan berasaskan kepada ciri-ciri demografi dan keluarga tadi. Angkubah-angkubah demografi dan keluarga yang sering diselidik dalam kajian keusahawanan termasuk umur, jantina, latarbelakang keluarga dan pengalaman, status perkahwinan, taraf pendidikan ibubapa dan diri, pengalaman diri, jumlah adik beradik dalam keluarga, kedudukan dalam keluarga (samada anak sulung) dan 'role model' (seperti kecenderungan keusahawanan keluarga). Butir-butir di atas pernah dinyatakan oleh Brockhaus (1982), Hisrich (1986), Swayne dan Tucker (1973), Sexton dan Auken (1982) dan Cohen (1980).

Bagi tujuan kajian ini, ciri-ciri demografi dan keluarga iaitu seperti umur, jantina, tempat tinggal, latarbelakang pendidikan dan pengalaman responden, latarbelakang pendidikan ibubapa dan pekerjaan, jumlah adik beradik dalam keluarga, kedudukan dalam keluarga dan 'role model' digunakan untuk melihat samada terdapat hubungan terhadap kecenderungan ke arah keusahawanan di kalangan pelatih-pelatih IKM. Ulasan-ulasan karya mengenai ciri-ciri demografi dan keluarga diterangkan seperti berikut:-

#### **2.4.1 Umur**

Menurut Bird (1989), umur secara kronologi dikaitkan dengan memulakan perusahaan bergantung kepada pendidikan dan pengalaman kerja seseorang itu. Bird menjelaskan lebih lama seseorang itu belajar atau bekerja dengan orang lain, lebih berumur ia memulakan kerjaya dalam keusahawanan. Dalam kajian yang dibuat oleh Sexton dan Van Auken (1982), didapati usahawan yang berjaya adalah lebih muda (35% di bawah umur 40 tahun) berbanding dengan usahawan yang tidak berjaya (20% di bawah umur 40 tahun).

Menurut Cooper (1981), seseorang usahawan itu memasuki bidang perniagaan dalam umur lingkungan 30an. Pada umur tersebut, seseorang itu mempunyai rekod pencapaian, pengalaman dan simpanan wang bagi memastikan perniagaan yang diceburi berdaya maju dan mempunyai tenaga yang kuat dan boleh mengambil risiko. Cooper et. al. (1986) mendapati usahawan yang muda lebih optimistik berbanding dengan usahawan yang berumur. Menurut Liles (1981) pula, seseorang individu yang berumur di antara 25 dan 30 tahun akan lebih berkemungkinan daripada orang lain untuk memulakan perniagaan kerana mereka telah mempunyai cukup pengalaman, kecekapan, keyakinan diri dan kebolehan mengambil risiko. Pendapat ini disokong Hisrich dan Peters (1986).

Hisrich dan Peters (1995) menyatakan perhubungan umur terhadap proses kerjaya keusahawanan telah dikaji dengan berhati-hati. Hisrich dan Peters menjelaskan bahawa kebanyakan usahawan memulakan kerjaya keusahawanan mereka di antara umur 22 dan 55 tahun. Walaupun kerjaya boleh dimulakan sebelum atau selepas tahun tersebut, ia tidak berkemungkinan kerana seorang usahawan memerlukan pengalaman, sokongan



kewangan dan tahap tenaga yang tinggi bagi mencapai kejayaan dan mengurus suatu perusahaan baru. Hisrich dan Peters menambah bahawa secara amnya usahawan lelaki lebih cenderung memulakan perniagaan pertama mereka dalam umur lingkungan awal 30an, sementara usahawan wanita cenderung memulakan perniagaan dalam umur pertengahan 30an.

#### 2.4.2 Jantina

Jantina seseorang individu merupakan satu pendekatan yang dikaji secara meluas dalam menentukan kecenderungan ke arah keusahawanan. De Wit dan Van Winden (1989) dalam kajian mereka tentang kemungkinan untuk bekerja sendiri, mendapati wanita lebih berminat untuk menjadi pekerja dengan mengharapkan ganjaran yang lebih berbanding dengan bekerja sendiri. Pandangan ini turut disokong oleh penyelidik-penyelidik yang lain seperti Welsch dan Young (1984), Hisrich (1986) dan Cromie (19987) di mana mereka menekankan bahawa sektor bekerja sendiri adalah secara tradisi dikuasai oleh lelaki. Menurut Hisrich dan Brush (1985) hanya 4.6 peratus firma-firma di Amerika Syarikat dimiliki oleh wanita. Walau bagaimanapun wanita yang bekerja sendiri meningkat daripada 35 peratus pada

tahun 1977 dan 1982 (Hisrich dan Brush 1985). Dari segi pemilikan firma, wanita memiliki tiga juta firma dan mereka memasuki ke alam perniagaan lebih cepat dari lelaki pada kadar lima kali (Female Owners, 1985).

Dalam pada itu, menurut Hisrich dan Peters (1995), akibat daripada sejarah pembangunan seseorang itu, didapati wanita memulakan perniagaan hanya pada peringkat akhir hidup mereka, berbanding dengan lelaki, selalunya selepas mengalami kekecewaan dalam kerjaya mereka. Hisrich dan Peters (1995) telah membuat kajian perbandingan di antara usahawan lelaki dan wanita seperti dalam Jadual 2.6 berikut:-

**Jadual 2.6 : Perbandingan Di Antara Usahawan Lelaki Dan Wanita**

Ciri-Ciri	Usahawan Lelaki	Usahawan Perempuan
Motivasi	Pencapaian berjuang-membuat sesuatu benda menjadi kenyataan, kebebasan personal-imej diri berkaitan kepada status menerusi peranan mereka dalam syarikat adalah penting, kepuasan kerja timbul dari keinginan menjadi dalam kawalan.	Pencapaian-mencapai satu matlamat kebebasan-membuat sesuatu benda seseorang diri. Kepuasan kerja timbul dari kekecewaan kerja yang dahulu.

sambungan Jadual 2.6 : Perbandingan Di Antara Usahawan Lelaki Dan

Wanita

Ciri-Ciri	Usahawan Lelaki	Usahawan Perempuan
Titik pemergian (Departure point)	Tidak puas hati dengan kerja sekarang. Kerja sampingan di kolej, kerja sampingan atau pekerjaan sekarang yang tidak berkembang. Menamatkan atau berhenti peluang untuk perolehan.	Kekecewaan kerja. Minat dalam dan pengiktirafan peluang dalam kawasan. Berubah dalam keadaan personal tertentu.
Sumber Dana	Aset personal dan simpanan Pembiayaan bank Pelabur-pelabur Pinjaman dari kawan dan keluarga.	Aset personal dan simpanan. Pinjaman personal.
Latar Belakang Pekerjaan	Berpengalaman dalam 'line at work'. Mengiktiraf pakar atau seseorang yang telah mencapai kejayaan dalam bidang yang tinggi, cekap dalam pelbagai peranan perniagaan.	Berpengalaman dalam bidang perniagaan, pengurusan pertengahan atau pengalaman dalam bidang peringkat pentadbir, latar belakang pekerjaan yang berkaitan perkhidmatan,
Ciri-ciri Personaliti	Mempunyai pendapat dan menyakinkan Orientasi matlamat. Binnovasi dan idealistik. Tingkat kepercayaan diri tinggi bersangat dan cergas. Mesti menjadi boss sendiri.	Fleksibel dan bertolak ansur. Orientasi matlamat kreatif dan realistik. Tingkat kepercayaan diri pertengahan, bersemangat dan cergas. Kebolehan berurusan dengan masyarakat dan persekitaran ekonomi.
Latarbelakang	Umur bila memulakan pengusahaan 25-35. Bapa bekerja sendiri. Pendidikan kolej-lulusan perniagaan atau bidang teknikal biasanya jurutera. Anak yang pertama dalam keluarga.	Umur bila memulakan pengusahaan 35-45. Bapa bekerja sendiri. Pendidikan kolej-lulusan dalam seni. Anak yang pertama dalam keluarga.

sambungan Jadual 2.6 : Perbandingan Di Antara Usahawan Lelaki Dan

Wanita

Ciri-Ciri	Usahawan Lelaki	Usahawan Perempuan
Kumpulan sokongan	Rakan-rakan, kenalan profesional, peguam, akauntan. Rakan-rakan perniagaan isteri	Rakan-rakan yang rapat, suami, keluarga, kumpulan wanita profesional, persatuan perniagaan.
Jenis perniagaan dimulakan	Perkilangan atau pembinaan.	Perkhidmatan berkaitan-khidmat pendidikan, perunding atau perhubungan awam.

Sumber : Hisrich & Peters (1995) m.s. 63

Berdasarkan kepada kajian lepas, didapati wanita menghadapi kesulitan-kesulitan utama dalam keusahawanan termasuk diskriminasi dalam pemberian kredit (Charbonneau 1981), kurang pengalaman dalam bidang kewangan, pemasaran dan pembelian (Bowen dan Hisrich, 1986), masalah dalam penurunan kuasa dan tanggungjawab (Cuba, Decenzo dan Anish 1983), kekurangan "role models", masalah dalam pengambilan pekerja lelaki dan tekanan dalam kehidupan peribadi dan pengejaran kerjaya (Gregg, 1985, Neider 1987).

Atas alasan-alasan di atas, dapat dikatakan bahawa lelaki berkemungkinan cenderung ke arah keusahawanan berbanding dengan wanita.

### 2.4.3 Tahap Pendidikan

Latar belakang pendidikan memberi kesan kepada seseorang itu, dalam pilihan kerjaya yang berbeza-beza dan dengan peluang dan kemudahan bantuan kewangan. Menurut Howell (1972) dan Douglas (1976), seseorang usahawan yang sederhana mempunyai pendidikan yang lebih tinggi daripada orang awam. Di samping itu, Brockhaus dan Nord (1979) mendapati walaupun usahawan mempunyai pendidikan yang lebih daripada “orang sederhana”, tahap pendidikan mereka adalah lebih rendah daripada pengurus-pengurus. Tahap pendidikan yang rendah ini mungkin akan mengurangkan kemampuan mereka untuk memperolehi kerjaya yang mencabar atau mendapat kenaikan pangkat dan mendapat kedudukan yang tinggi. Malah kekurangan peluang ini mungkin menyebabkan mereka mengambil keputusan untuk memulakan perniagaan sendiri. Menurut Roberts dan Wayner (1971), Boswell (1973), Cooper (1973), Bruskill dan Forthergill (1979), yang dipetik oleh La Fuente dan Sales (1989), seseorang individu yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi akan mempunyai kecenderungan ke arah keusahawanan yang tinggi,

terutama sekali jika perniagaan mereka berkaitan dengan pengetahuan teknologi tinggi.

Sementara itu, penyelidik-penyelidik telah membuat kajian mengenai jumlah pendidikan yang dimiliki oleh usahawan.

Penemuan hasil kajian mereka adalah seperti dalam jadual 2.7 berikut:

**Jadual 2.7 : Jumlah Pendidikan Usahawan**

Kajian	Penemuan	Komen
<b>1. Usahawan Secara Am</b>		
Brockhaus (1982)	Mengulas empat kajian menyimpulkan usahawan cenderung menjadi bertambah baik dididik dari penduduk umum, tetapi kurang dari pengurus-pengurus.	Semua sampel kecil dan terhad kepada satu kawasan geografi atau industri .
Cooper dan Dunkelberg (1984)	Survey nasional dari 1305 pemilik perniagaan kecil menunjukkan yang peruntukan besar dari mereka yang memulakan perniagaan atau pembeli (lebih kurang 64% mempunyai kurang dari kelulusan kolej berbanding dengan mereka mewarisi atau membawa dalam pengendalian perniagaan 57 peratus.	
Gasse (1982)	Laporan empat kajian di mana pendidikan usahawan adalah lebih baik dari orang ramai.	Pelbagai peringkat pendidikan industri (contoh teknologi tinggi).

**sambungan Jadual 2.7 : Jumlah Pendidikan Usahawan**

<b>Kajian</b>	<b>Penemuan</b>	<b>Komen</b>
Jacobowitz dan Vidler (1982)	Keputusan menemuduga 430 usahawan menunjukkan yang mereka tidak maju dalam sekolah. 30 peratus adalah pelajar sekolah tinggi yang tercicir. Hanya 11 peratus lulus dari empat tahun pengajian kolej.	Sampel dari usahawan Pennsylvania dan New Jersey: 11 peratus wanita Pelbagai tingkat pendidikan industri (contoh teknologi tinggi).
<b>2. Usahawan Lelaki Lawan Usahawan Wanita</b>		
Humpnreys dan McClung (1981)	Lima puluh empat perpuluhan lapan peratus usahawan wanita adalah lulusan kolej. Melebihi kadar untuk lelaki dan wanita secara am untuk pengurus lelaki dan pentadbir.	Sampel of Oklanoma dari 36 usahawan wanita dari semua kawasan negeri.
Charboneau (1981)	Biro bancian 1977 menyatakan kajian menunjukkan yang purata usahawan wanita adalah lulusan kolej.	Kajian SBA juga menyatakan penemuan yang sama.
DeCarlo dan Lyons (1979)	Usahawan wanita mempunyai pendidikan yang lebih dari purata wanita dewasa. Tiada minoriti usahawan wanita yang mempunyai pendidikan yang lebih dari minoriti usahawan wanita.	122 usahawan wanita diambil secara random di Tengah Atlantik State.
Hisrich dan Brush (1983)	Enam puluh lapan peratus dari survey seluruh negara dari 468 usahawan wanita adalah sekurang-kurangnya lulus kolej.	Sampel dari 108 wanita pemilik "real estate" di Arizona.

sambungan Jadual 2.6 : Perbandingan Di Antara Usahawan Lelaki dan Wanita

Ciri-Ciri	Usahawan Lelaki	Usahawan Wanita
Mescon dan Stevins (1982)	Penemuan dua pertiga telah menghadiri kolej: 15 peratus telah mempunyai lulusan universiti.	Menemuduga 93 wanita (48 wanita usahawan) dari Texas.
Sexton dan Kent (1981)	Usahawan wanita sedikit berkurangan dari eksekutif wanita (44 peratus dan 51 peratus lulusan kolej). Usahawan muda wanita adalah lebih baik pendidikan dari wanita eksekutif syarikat.	

---

Sumber : Bowen dan Hisrich (1986), dipetik oleh Hisrich dan Peters (1992) m.s. 58-59

Menurut Hisrich dan Peters (1992), hasil daripada penemuan kajian di atas masih terdapat keraguan tentang perhubungan samada pendidikan yang dimiliki boleh meningkatkan kecenderungan ke arah keusahawanan. Walau bagaimanapun kebanyakan kajian mendapati perhubungan yang rapat di antara pendidikan seseorang itu dengan peningkatan tahap kecenderungan ke arah keusahawanan.

#### 2.4.4 Pengalaman Perniagaan.

Pengalaman seseorang individu juga merupakan satu pengukur kepada kecenderungan ke arah keusahawanan. Pengetahuan operatif keatas perniagaan dan rangkaian yang baik dan luas



adalah penting terutamanya perniagaan yang baru. Ini selalunya mudah diperolehi melalui pengalaman yang dilalui dalam perniagaan. Menurut Cooper (1971), pekerja-pekerja kepada seorang keusahawanan akan mendapat galakan melalui semangat keusahawanan dan kejayaan majikan mereka, menyebabkan pekerja-pekerja sendiri menceburi dalam bidang perniagaan. Pendapat ini disokong oleh penyelidik-penyelidik yang lain seperti Shapero, 1991, Dewit dan Van Winden, 1989 dan Dolton dan Makepeace, 1990. Kebanyakan usahawan berpengalaman di dalam perniagaan sebelum menceburi bidang keusahawanan dan pengalaman tersebut boleh membantu seseorang itu berjaya.

#### **2.4.5 Penglibatan Keluarga Dalam perniagaan**

Menurut King (1985) kebanyakan usahawan mempunyai bapa yang juga pemilik perniagaan kecil atau perniagaan sederhana atau perniagaan besar. Atas alasan ini, beliau menyimpulkan bahawa kebanyakan pemilik perniagaan kecil berasal daripada keluarga berniaga. Dalam kajian Robert dan Wainer (1966) didapati bahawa usahawan yang terlibat dalam teknologi tinggi berkemungkinan mempunyai bapa yang bekerja sendiri, berbanding dengan populasi secara am. Menurut Hisrich dan

Peters (1992), penyelidik-penyelidik telah membuat kajian keatas pekerjaan ibubapa usahawan dan didapati hasil dalam jadual 2.8 berikut:

**Jadual 2.8 Pekerjaan Iubapa Usahawan**

<b>Kajian Am Usahawan, Atau Usahawan Lelaki Sahaja</b>	<b>Kajian Usahawan Wanita</b>
Brockhaus (1982) menyatakan empat kajian mencadangkan yang usahawan cenderung mempunyai ibubapa keusahawanan	Hisrich dan Brush (1983) Melapurkan satu sampel seluruh negara 468 usahawan wanita; 36 peratus mempunyai ibubapa keusahawanan; 11 peratus mempunyai ibu keusahawanan.
Brockhaus dan Nord (1979) mendapati yang 31 lelaki St. Louis usahawan tidak seperti pengurus lelaki yang mempunyai bapa keusahawanan.	Mescon dan Stevens (1982) mendapati 53 peratus dari 108 borker 'real estate' mempunyai bapa usahawan. Tiada seorangpun mempunyai ibu usahawan.
Jacobowits dan Vidler (1983) mendapati yang 72 peratus usahawan bahagian tengah atlantik State Mempunyai ibubapa atau keluarga terdekat yang bekerja sendiri.	Waddell ( 1983) mendapati yang 63.8 peratus dari 47 usahawan wanita dilapurkan bapa usahawan dan 31.9 peratus ibu usahawan (berlawanan 42.5 peratus dan 5.5 peratus untuk pengurus wanita dan 36.2 peratus dan 8.5 peratus untuk setiausaha).
Shapero dan Sokol (1982) melapurkan yang 50 ke 58 peratus pengasas syarikat di United State mempunyai bapa bekerja sendiri . (Bila pada suatu masa hanya 12 peratus tenaga pekerja). Data yang sama dinyatakan dalam sembilan budaya lain.	Watkins dan watkins (1983) - 37 peratus dari 58 usahawan wanita British mempunyai bapa bekerja sendiri (tenaga kerja lelaki U.K. bekerja sendiri ialah sembilan peratus; 16 peratus keseluruhan atau sebahagian ibu memiliki perniagaan (wanita bekerja sendiri sebanyak 4 peratus).

Sumber : Bowen dan Hisrich (1986), dipetik oleh Hisrich dan Peters (1992), m.s. 56

#### **2.4.6 Kedudukan Dalam Keluarga**

Secara amnya, didapati latar belakang keluarga mempengaruhi kedudukan ke arah keusahawanan seseorang itu. Menurut Watkins & Watkins (1983), mereka berpendapat anak yang pertama (sulong) menerima perhatian yang lebih oleh itu akan wujud keyakinan diri yang lebih dan mempunyai sikap yang positif kepada pencapaian dan tanggung jawab. Kesemua ini menjurus dan berkait dengan kecenderungan keusahawanan. Pendapat ini disokong bersama oleh Hisrich (1986) dan Neider (1986) yang menunjukkan bahawa anak yang pertama (sulong) lebih mempunyai kecenderungan ke arah keusahawanan.

#### **2.4.7 Jumlah Adik-Beradik**

Kesan kedudukan dalam keluarga boleh diperluaskan kepada jumlah adik beradik. Sonnefeld dan Kotter (1982), mentaksirkan bahawa jika jumlah adik beradik dalam satu keluarga itu kurang, seseorang anak akan menerima perhatian dan tanggungjawab yang lebih.

## 2.4.8 Kecenderungan Keusahawanan Dalam Keluarga

### ‘Role Model’

Menurut Hisrich dan Peters (1995), salah satu faktor penting yang mempengaruhi usahawan dalam pilihan kerjaya ialah ‘role model’. ‘Role model’ yang dimaksudkan ialah ibubapa, abang, atau kakak, sanak saudara dan usahawan yang telah berjaya. Hisrich dan Peters (1995) menjelaskan lagi, ‘role model’ boleh dianggap sebagai penasihat (mentor) di dalam memberi bantuan semasa dan selepas pelancaran pengusahaan baru. Usahawan memerlukan pertolongan dan nasihat yang jitu terutama dalam pengusahaan baru. Sokongan-sokongan yang diperlukan termasuk sumber kewangan, pemasaran serta segmen pasaran dan nasihat mengenai struktur organisasi.

## **BAB 3**

### **METHODOLOGI KAJIAN**


#### **3.1 Pengenalan**

Bab ini membincangkan mengenai kaedah penyelidikan yang digunakan dalam mengukur kecenderungan terhadap keusahawanan. Ia meliputi konseptual dan rangka kerja teori, definisi operasi, hipotesis, rekabentuk kajian, populasi dan sampel, instrumentasi yang digunakan, pengumpulan data, analisis data, tingkat koefisyen dan kesimpulan.

#### **3.2 Konseptual Dan Rangka Kerja Teori**

Berdasarkan ulasan karya dalam bab 2, satu konseptual dan rangka kerja teori dapat dibentuk seperti model dalam Rajah 3.1 berikut:

**Rajah 3.1 : Model Menunjukkan Perhubungan Di Antara Kecenderungan Keusahawanan Dan Ciri-Ciri Keluarga dan Sosio Demografi**



Kajian ini bertujuan untuk mengkaji perhubungan di antara kecenderungan keusahawanan sebagai pembolehubah bersandar dan ciri-ciri sosio-demografi dan ciri-ciri keluarga sebagai pembolehubah tidak bersandar. Kajian ini diasaskan kepada rangka kerja teori seperti yang terdapat di Rajah 3.1.

### **3.3. Definisi Operasi Pembolehubah Yang Berkaitan**

Foley dan Clifton (1991), menyatakan bahawa setiap rangka kajian perlu diubahsuai dengan keadaan dan persekitaran kajian supaya model teori dan konseptualnya menepati kajian yang dilakukan. Oleh itu, pembolehubah-pembolehubah berkaitan dalam kajian ini meliputi seperti berikut:-

#### **3.3.1 Pembolehubah Bersandar dan Pembolehubah Tidak Bersandar**

##### **a) Pembolehubah Bersandar**

Pembolehubah bersandar yang dikenalpasti dalam kajian ini adalah kecenderungan keusahawanan.

b) **Pembolehkan Tidak Bersandar**

Pembolehkan tidak bersandar dalam kajian ini meliputi ciri-ciri keluarga dan sosio-demografi.

3.3.2 **Pengukuran Pembolehkan Bersandar**

Borang soal selidik yang mengandungi 33 soalan yang telah direkabentuk untuk mengukur kecenderungan keusahawanan merupakan ciri-ciri psikologi utama iaitu keperluan pencapaian, lokus kawalan, kecenderungan mengambil risiko, kesabaran menghadapi kesamaran, keyakinan diri dan inovatif. Pengukuran pembolehkan bersandar adalah menggunakan Skala Likert di antara 1 - 5 seperti berikut:

- [1] amat bersetuju
- [2] bersetuju
- [3] tidak pasti
- [4] tidak bersetuju
- [5] amat tidak bersetuju



### 3.3.3 Pengukuran Pembolehubah Tidak Bersandar

Borang soal selidik mengandungi 16 perkara untuk melihat empat faktor utama sosio-demografi dan keluarga terhadap kecenderungan keusahawanan pelatih iaitu:

a) **Faktor Demografi**

Ciri-ciri demografi ini melibatkan empat faktor iaitu umur, jantina, tempat tinggal dan Negeri asal.

b) **Faktor Keluarga**

Faktor keluarga responden melihat tiga faktor iaitu kedudukan dalam keluarga, jumlah adik beradik dan keluarga terlibat dalam keusahawanan.

c) **Faktor Latar Belakang Pendidikan Responden**

Faktor Latar belakang pendidikan responden melibatkan tiga faktor iaitu jurusan kemahiran, tempat latihan dan tahap pendidikan.

d) **Faktor Tahap Pendidikan dan Pekerjaan Ibubapa**

Faktor Tahap Pendidikan dan Pekerjaan ibubapa melibatkan latar belakang pendidikan dan pekerjaan utama ibubapa. Responden dikehendaki menandakan pada faktor-faktor yang bersesuaian.

**3.4 Kajian Hipotesis**

Berdasarkan kepada ulasan karya serta model kajian (Rajah 3.1), kajian ini mencadangkan hipotesis untuk diuji seperti berikut:

**Butir Diri**

Hipotesis 1 : Tidak terdapat hubungan di antara umur dengan kecenderungan keusahawanan.

Hipotesis 2 : Tidak terdapat hubungan di antara jantina dengan kecenderungan keusahawanan

Hipotesis 3 : Tidak terdapat hubungan di antara tempat tinggal (bandar atau luarbandar) dengan kecenderungan keusahawanan.

Hipotesis 4 : Tidak terdapat hubungan di antara Negeri asal dengan kecenderungan keusahawanan.

#### **Ciri-Ciri Keluarga**

Hipotesis 5 : Tidak terdapat hubungan di antara kedudukan dalam keluarga dengan kecenderungan keusahawanan.

Hipotesis 6 : Tidak terdapat hubungan di antara jumlah adik beradik dengan kecenderungan keusahawanan.

Hipotesis 7 : Tidak terdapat hubungan di antara kecenderungan keusahawanan keluarga ('role model') dengan kecenderungan keusahawanan.

### **Latar Belakang Pendidikan**

Hipotesis 8 : Tidak terdapat hubungan di antara kursus yang diambil di IKM dengan kecenderungan keusahawanan.

Hipotesis 9 : Tidak terdapat hubungan di antara tempat latihan dengan kecenderungan keusahawanan.

Hipotesis 10 : Tidak terdapat hubungan di antara tahap pendidikan dengan kecenderungan keusahawanan.

### **Latar Belakang Pendidikan dan Pekerjaan Iubapa**

Hipotesis 11 : Tidak terdapat hubungan di antara tahap pendidikan ibu dengan kecenderungan keusahawanan.

Hipotesis 12 : Tidak terdapat hubungan di antara tahap pendidikan bapa dengan kecenderungan keusahawanan.

Hipotesis 13 : Tidak terdapat hubungan di antara pekerjaan ibu dengan kecenderungan keusahawanan.

Hipotesis 14 : Tidak terdapat hubungan di antara pekerjaan bapa dengan kecenderungan keusahawanan.

### **3.5 Rekabentuk Kajian**

Menurut Nachmias dan Nachmias (1976), rekabentuk kajian adalah perlu sebagai garis panduan kepada penyelidik di dalam proses pengumpulan, penganalisa dan interpretasi data. Dalam pada itu, mengikut Kerlinger (1973), ia juga membolehkan pengkaji membuat soalan selidik yang mempunyai kesahihan, menepati objektif supaya tepat dan jimat sebaik mungkin.

#### **3.5.1 Jenis Kajian**

Kajian ini adalah berbentuk ujian hipotesis. Mengikut Sekaran (1992), kajian berbentuk ujian hipotesis selalunya cuba

menerangkan sesuatu hubungan atau perbezaan di antara kumpulan-kumpulan atau hubungkait di antara dua faktor atau lebih dalam satu-satu situasi.

### **3.5.2 Populasi dan Sampel**

Kajian ini adalah mengenai kecenderungan keusahawanan di kalangan pelatih IKM di bahagian utara Malaysia. Oleh itu populasi kajian ini terdiri daripada IKM Alor Setar, IKM Sungai Petani, IKM Lumut dan IKM Beseri. Pelatih-pelatih semester akhir dari semua kursus telah dipilih sebagai sampel dalam kajian ini. Pelatih-pelatih tersebut akan meninggalkan IKM dan akan mencari pekerjaan dalam bidang-bidang yang diceburi atau bekerja sendiri (berniaga secara kecil-kecilan). Oleh itu, kumpulan ini adalah berkemungkinan telah mempunyai haluan kerjaya dan kecenderungan untuk bekerja atau memulakan perniagaan.

### **3.5.3 Tatacara Dan Persampelan**

Pelatih-pelatih semester akhir dari semua jurusan telah dipilih di dalam sampel kajian ini. Bagi mewakili semua pelatih, penyelidik

telah menggunakan sistem persampelan rawak mudah. Menurut Sekaran (1992), persampelan rawak mudah mempunyai kelebihan di mana setiap elemen dalam populasi dipertimbangkan dan mempunyai peluang yang sama untuk turut terpilih sebagai satu subjek. Menurut beliau lagi, dengan menggunakan tatacara persampelan ini, didapati berat sebelah (bias) di dalam memilih sampel dan hasil kajian akan lebih baik (High Generalizability). Pengkaji telah memutuskan 50 peratus daripada jumlah populasi sebagai sampel. Seramai 290 orang pelatih di empat buah IKM di utara Malaysia telah dipilih sebagai sampel kajian seperti jadual 3.12 berikut:

Hak Milik MARA

Jadual 3.12 : Sampel Kajian

Institusi	KURSUS															
	Bangunan		Pekerjaan		Mekanikal		Kerja Logam		Automatif		Elektirk		Elektronik		ILukisan	
	Populasi	Sampel	Populasi	Sampel	Populasi	Sampel	Populasi	Sampel	Populasi	Sampel	Populasi	Sampel	Populasi	Sampel	Populasi	Sampel
IKM, Alor Setar	60	31	5	3	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	47	24
IKM Sungai Petani	75	38	13	7	-	-	-	-	-	-	27	13	28	14	38	19
IKM Beseri	-	-	-	-	-	-	12	6	14	7	38	19	14	7	-	-
IKM Lumut	28	15	36	19	14	7	46	23	26	13	17	9	-	-	31	16
JUMLAH	163	84	54	29	14	7	58	29	40	20	82	41	42	21	116	59
Jumlah Besar Populasi	569															
Jumlah Besar Sampel	290															



### 3.6 **Rekabentuk Instrumentasi**

Dalam kajian ini dua jenis instrumen digunakan iaitu:

- a) Instrumen ujian yang telah diketengahkan dari perbagai sumber seperti Cook (1980), Bercelona (1990), Charlesworth (1973), UP-ISS, (1978), Pajaro (1989), Caird (1988) dan Salleh (1992), untuk mengukur pembolehubah bersandar iaitu kecenderungan keusahawanan pelatih.
- b) Soal selidik mengenai faktor demografi untuk mengukur pembolehubah tidak bersandar.

### 3.7 **Ujian Awal dan Pengesahan Instrumen**

Ujian awal telah dilakukan di IKM Alor Setar di mana 30 borang soal selidik telah diedar kepada pelatih-pelatih. Sebelum ujian awal tersebut dilakukan, borang soal selidik telah dipersetujui oleh penyelaras untuk diedarkan. Ujian kebolehpercayaan (reliability) telah dilakukan dengan menggunakan program SPSS PC 6.1. Kebolehpercayaan yang diperolehi daripada ujian awal dengan menggunakan Alpha Cronbach

ialah 0.7005. Menurut Sekaran (1992), kebolehppercayaan kurang dari 0.60 adalah pada umumnya dikatakan sebagai lemah, di antara 0.70 dikatakan sebagai boleh diterima dan yang melebihi 0.80 adalah baik.

### **3.8 Kaedah Pengumpulan Data**

Penyelidik telah mendapat kelulusan untuk menjalankan kajian ini daripada Pengarah, Bahagian Kemahiran MARA, Ibu Pejabat Mara Kuala Lumpur. Senarai pelatih-pelatih dari IKM Alor Setar, IKM Sungai Petani, IKM Lumut dan IKM Perlis telah dihantar melalui pos. Dari senarai pelatih ini, responden kajian ini telah dipilih dengan menggunakan persampelan rawak mudah.

Sebanyak 290 set soal selidik yang mengandungan 7 muka surat telah dicetak bagi tujuan kajian ini. Penyelidik telah pergi ke semua empat buah IKM iaitu Alor Setar, Sungai Petani, Beseri dan Lumut bagi tujuan pengumpulan data. Pelatih-pelatih dikumpulkan di dalam sebuah dewan kuliah dan diberi arahan untuk menjawab dengan masa yang diberikan lebih kurang 20 minit.

### **3.9 Analisis Data**

#### **3.9.1 Statistik Deskriptif**

Bagi analisa data, statistik deskriptif seperti min, peratusan, sisihan piawai dan jadual frekuensi. Mengikut Sekaran (1992), statistik deskriptif digunakan dalam kajian oleh kerana ia memberi gambaran deskriptif yang ringkas dalam keseluruhan set data.

#### **3.9.2 Statistik Inferensi**

Ujian-t dan Analisis Varian Sehal (ANOVA) digunakan untuk menguji hipotesis dalam kajian ini. Ujian-t digunakan untuk menguji hipotesis dan mengenalpasti perbezaan kecenderungan keusahawanan di antara jantina. Ujian ini akan menganalisis sama ada wujud atau tidak perbezaan di antara dua min sampel dan ia boleh digunakan memandangkan jantina merupakan scala nominal. ( Sekaran 1992).

Manakala, ANOVA digunakan untuk menguji hipotesis dan mengenalpasti perbezaan di antara min melebihi dua

kumpulan. ANOVA mengukur variabiliti dalam kumpulan dan antara kumpulan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan di antara min-min kumpulan (Sekaran, 1992).

### 3.9.3 **Tingkat Signifikan**

Tingkat signifikan bagi kajian ini adalah 0.05 ( $p < 5$ ). Menurut Sekaran (1992) tingkat signifikan 0.05 adalah tahap yang boleh diterima (kebiasaan) bagi kebanyakan penyelidik. Tahap signifikan ini juga diterimapakai oleh penyelidik-penyelidik dalam bidang statistik.

### 3.10 **Penutup**

Bab ini menerangkan rekabentuk dan kaedah penyelidikan dalam mengendalikan kajian ini. Proses analisa data dan ujian hipotesis akan dibincangkan di dalam bab 4.

## **BAB 4**

### **ANALISIS DAN KEPUTUSAN**

#### **4.1 Pengenalan**

Bab ini menerangkan analisis kajian dan keputusan. Data dianalisa menggunakan SPSS/PC 6.1 dan analisisnya dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama, menerangkan taburan frekuensi pembolehubah-pembolehubah yang utama. Dan seterusnya dalam bahagian kedua, mengemukakan ujian hipotesis dan analisis hubungan di antara pembolehubah-pembolehubah yang dikaji dengan kecenderungan keusahawanan.

#### **4.2 Taburan Frekuensi Dan Peratusan Faktor Demografi**

##### **4.2.1 Butir Diri**

###### **a) Umur**

Daripada kajian ini didapati umur bilangan responden paling ramai ialah mereka yang berumur dalam lingkungan 17-20 tahun (60.7 peratus) diikuti dengan umur lingkungan 21-23 tahun. (32.4 peratus) dan umur lingkungan 24 - 26 tahun (6.9 peratus) (Jadual 4.1).

**Jadual 4.1 : Umur Responden**

<b>Umur</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus</b>
17-20 tahun	176	60.7
21-23 tahun	94	32.4
24-26 tahun	20	6.9
JUMLAH	290	100.00

b) Jantina

Dalam kajian ini didapati responden lelaki adalah lebih ramai dari perempuan. Taburan jantina menunjukkan bahawa 79.3 peratus lelaki dan 20.7 peratus perempuan (Jadual 4.2).

**Jadual 4.2 : Jantina Responden**

<b>Jantina</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus</b>
Lelaki	230	79.3
Perempuan	60	20.7
JUMLAH	290	100.0

c) Tempat Tinggal

Didapati responden paling ramai tinggal di kampung (71 peratus) jika dibandingkan dengan mereka yang tinggal di bandar/pekan (21 peratus) dan di Bandar Raya/Ibu Negeri (8 peratus). (Jadual 4.3).

**Jadual 4.3 : Tempat Tinggal Responden**

Tempat Tinggal	Frekuensi	Peratus
Kampung	206	71.0
Bandar/Pekan	61	21.0
Bandar Raya/Ibu Negeri	23	8.0
JUMLAH	290	100.0

d) Negeri

Mengikut maklumat dalam Jadual 4.4 menunjukkan bahawa bilangan responden yang paling ramai berasal dari Utara (33.1 peratus) dan diikuti dari Selatan (24.5 peratus) dan Pantai Timur (23.4 peratus).

#### 4.2.2 Ciri-Ciri Keluarga

a) Kedudukan Dalam Keluarga

Berdasarkan maklumat dalam Jadual 4.5 menunjukkan bahawa bilangan responden yang paling ramai adalah anak ke 3-6 (44.5 peratus) diikuti dengan anak sulung (27.2 peratus) dan anak bongsu (15.2 peratus).

**Jadual 4.4 : Taburan Responden mengikut Negeri**

Negeri	Frekuensi	Peratus
Utara	96	33.1
Tengah	40	13.8
Pantai Timur	68	23.4
Selatan	71	24.5
Malaysia Timur	15	5.2
JUMLAH	290	100.0

Nota : Utara - Kedah, Perak, P.Pinang, Perlis  
Tengah - Selangor, Wilayah Persekutuan, Pantai  
Timur - Terengganu, Kelantan & Pahang. Selatan  
- Johor Melaka dan N. Sembilan. Malaysia Timur  
- Sabah dan Sarawak.



**Jadual 4 . 5 : Kedudukan Responden Dalam Keluarga**

Kedudukan Dalam Keluarga	Frekuensi	Petatus
Sulung	79	27.2
Bongsu	44	15.2
3 - 6	129	44.5
7 - 11	38	13.1
JUMLAH	290	100.0

b) Jumlah Adik Beradik

Dalam kajian ini didapati responden paling ramai mempunyai adik beradik tiga dan lebih (96.6 peratus) berbanding dengan responden yang mempunyai adik beradik kurang daripada tiga (3.4 peratus) (Jadual 4.6).

**Jadual 4 . 6 : Kedudukan Responden Dalam Keluarga**

Kedudukan Dalam Keluarga	Frekuensi	Peratus
Kurang Daripada Tiga	10	3.4
Tiga Dan Lebih	280	96.6
JUMLAH	290	100.0

c) **Kecenderungan Keusahawanan Keluarga**

Maklumat Jadual 4.7 menunjukkan bahawa paling ramai responden dari keluarga bukan usahawan (77.2 peratus) berbanding dengan usahawan (22.8 peratus).

**Jadual 4.7 : Kecenderungan Keusahawanan Keluarga**

<b>Keluarga</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus</b>
Usahawan	66	22.8
Bukan Usahawan	224	77.2
<b>JUMLAH</b>	<b>290</b>	<b>100.0</b>

4.2.3 **Latar Belakang Pendidikan**

a) **Jurusan Di IKM**

Dalam jadual 4.8 menunjukkan bahawa bilangan responden yang paling ramai adalah dari jurusan

Bangunan (24.8 peratus), diikuti dari jurusan Lukisan (20.4 peratus), jurusan Elektrik (14.1 peratus) dan Perkayuan (14.1 peratus).

**Jadual 4.8 : Jurusan Kemahiran**

Jurusan	Frekuensi	Peratus
Bangunan	72	24.8
Perkayuan	41	14.1
Mekanikal	7	2.4
Kerja Logam	29	10.0
Automatif	20	6.9
Elektrik	41	14.1
Eletronik	21	7.3
Lukisan	59	20.4
JUMLAH	290	100.0

b) **Tempat Latihan**

Maklumat dari Jadual 4.9 menunjukkan bahawa paling ramai responden adalah dari IKM Lumut (35.2 peratus) dengan diikuti oleh IKM Sungai Petani (31.4 peratus), IKM Alor Setar (20.0 peratus) dan IKM Beseri (13.4 peratus).

**Jadual 4.9 : Tempat Latihan Responden**

<b>IKM</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus</b>
Alor Setar	58	20.0
Sungai Petani	91	31.4
Lumut	102	35.2
Beseri	39	13.4
<b>JUMLAH</b>	<b>290</b>	<b>100.0</b>

c) **Tahap Pendidikan**

Maklumat Jadual 4.10 menunjukkan paling ramai responden mempunyai tahap pendidikan SPM dan ke bawah (95.5 peratus) berbanding dengan responden yang mempunyai pendidikan STPM ke atas (4.5 peratus).

**Jadual 4.10: Tahap Pendidikan Responden**

<b>Pendidikan</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus</b>
SPM ke bawah	277	95.5
STPM ke atas	13	4.5
<b>JUMLAH</b>	<b>290</b>	<b>100.0</b>

#### 4.2.4 Latar Belakang Iubapa

##### a) Tahap Pendidikan Iubapa

Kajian ini mendapati sebilangan besar dari ibu dan bapa responden mempunyai tahap pendidikan di peringkat sekolah rendah dan menengah. Terdapat 47.6 peratus ibu dan 41.0 peratus dari bapa mempunyai tahap pendidikan dari sekolah rendah/menengah. Hanya segolongan kecil dari ibu (1.0 peratus) dan bapa (6.2 peratus) yang mempunyai tahap pendidikan universiti/maktab (Jadual 4.11).

**Jadual 4.11 : Tahap Pendidikan Iubapa Responden**

Tahap Pendidikan	Frekuensi			Peratusan		
	Ibu	Bapa	Penjaga	Ibu	Bapa	Penjaga
Tiada Pendidikan formal	51	26	0	17.6	9.0	0
Sekolah Rendah	138	118	1	47.6	40.7	0.4
Sekolah Menengah	93	119	3	32.1	41.0	1.0
Universiti/Pusat Pengajian Tinggi/Maktab	3	18	0	1.0	6.2	0
Tidak menyatakan	5	9	286	1.7	3.1	98.6
JUMLAH	290	290	290	100.0	100.0	100.0

b) **Pekerjaan Utama Ibu Bapa**

Kajian ini mendapati 63.7 peratus ibu tidak bekerja dan hanya 5.3 peratus yang bekerja sendiri.. Manakala 42.5 peratus bapa bekerja sebagai petani/pesawah, 40.0 peratus bapa bekerja makan gaji dan 11.8 peratus bapa tidak bekerja. (Jadual 4.12).

**Jadual 4.12: Pekerjaan Utama Ibu Bapa**

Jenis Pekerjaan	Frekuensi			Peratusan		
	Ibu	Bapa	Penjaga	Ibu	Bapa	Penjaga
Makan Gaji	26	112	3	9.3	40.0	1.1
Sendiri	15	16	0	5.3	5.7	0
Tidak Bekerja	179	33	0	63.7	11.8	0
Pertanian	61	119	1	21.7	42.5	0.3
Tidak Menyatakan	9	10	286	3.1	3.4	98.6
JUMLAH	290	290	290	100.0	100.0	100.0

**4.3 Ujian Hipotesis**

Ujian Hipotesis dalam kajian ini ditentukan dengan menggunakan kaedah ujian-t dan Analisis Varian Sehala (ANOVA). Kaedah-kaedah ini akan menentukan sama ada hipotesis dalam kajian diterima atau ditolak dengan

melihat tahap kesignifikannya. Ujian hipotesis-hipotesis adalah seperti berikut:

a) Hubungan Umur Dengan Kecenderungan Keusahawanan

Ho : Tidak terdapat hubungan di antara umur dengan kecenderungan keusahawanan.

**Jadual 4.13 : Hubungan Umur Dengan Kecenderungan Keusahawanan**

Sumber	DF	SS	MS	Nilai t	P
Antara Kumpulan	2	131.4266	65.7133	1.0986	0.3347
Dalam Kumpulan	286	17107.4869	59.8164		
Keseluruhan	288	17238.9135			

Kaedah ANOVA digunakan untuk menguji hipotesis ini. Dari ujian tersebut didapati nilai F 1.0986 yang mempunyai nilai signifikan  $p = 0.3347$  tidak signifikan pada paras keyakinan 0.05. Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan di antara umur dengan kecenderungan keusahawanan.

b) Hubungan Jantina Dengan Kecenderungan Keusahawanan

Ho : Tidak terdapat hubungan di antara jantina dengan kecenderungan keusahawanan.

**Jadual 4.14 : Hubungan Jantina Dengan Kecenderungan Keusahawanan**

Jantina	n	min	Sisihan Piawai	Nilai t	P
Lelaki	230	71,5261	7.719	2.51	0.013
Perempuan	60	68,7333	7.503		

Kaedah Ujian-t digunakan untuk menguji hipotesis di atas. Dari ujian di atas didapati nilai t 2.51 dan nilai p 0.013. Nilai p signifikan pada paras keyakinan 0.05. Maka Ho ditolak yang bermakna terdapat hubungan yang signifikan di antara jantina dengan kecenderungan keusahawanan.

Dari jadual 4.14, didapati lelaki mempunyai kecenderungan keusahawanan yang tinggi berbanding perempuan.



c) Hubungan Tempat Tinggal Dengan Kecenderungan  
Keusahawanan

Ho : Tidak terdapat hubungan di antara tempat tinggal  
dengan kecenderungan keusahawanan.

**Jadual 4.15 : Hubungan Tempat Tinggal Dengan  
Kecenderungan Keusahawanan**

Sumber	DF	SS	MS	Nilai F	P
Antara Kumpulan	2	63.1174	31.5587	0.5243	0.5925
<u>Dalam Kumpulan</u>	<u>287</u>	<u>17275.1068</u>	60.1920		
Keseluruhan	289	17338.2241			

Kaedah ANOVA digunakan untuk menguji hipotesis tersebut.

Daripada ujian ini didapati nilai F 0.5243 tidak signifikan ( $p = 0.5925$ ) pada paras keyakinan 0.05. Maka, tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara tempat tinggal responden dengan kecenderungan keusahawanan.

d) Hubungan Negeri Dengan Kecenderungan Keusahawanan

Ho : Tidak terdapat hubungan di antara negeri dengan kecenderungan Keusahawanan.

**Jadual 4.16 : Hubungan Negeri Dengan Kecenderungan Keusahawanan**

Sumber	DF	SS	MS	Nilai F	P
Antara Kumpulan	4	117.2726	29.3182	0.4836	0.7479
Dalam Kumpulan	284	17220.9488	60.6371		
Keseluruhan	288	17338.2215			

Hubungan hipotesis di atas diuji dengan menggunakan kaedah ANOVA. Dari ujian tersebut didapati nilai F 0.4835 tidak signifikan ( $p = 0.7479$ ) pada paras keyakinan 0.05. Maka Ho diterima di mana tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara negeri dengan kecenderungan keusahawanan.

e) Hubungan Kedudukan Dalam Keluarga Dengan Kecenderungan Keusahawanan

Ho : Tidak terdapat hubungan di antara kedudukan dalam keluarga dengan kecenderungan keusahawanan

**Jadual 4.17 : Hubungan Kedudukan Dalam Keluarga Dengan Kecenderungan Keusahawanan**

Sumber	DF	SS	MS	Nilai F	P
Antara Kumpulan	3	144.7226	48.2409	0.8024	0.4934
Dalam Kumpulan	286	17193.5016	60.1171		
Keseluruhan	289	17338.2241			

Kaedah ANOVA digunakan untuk menguji hipotesis di atas. Hasil ujian didapati nilai F 0.8024 tidak signifikan ( $p=0.4934$ ) pada paras keyakinan 0.05. Ini bermakna tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kedudukan dalam keluarga dengan kecenderungan keusahawanan.

f) Hubungan Jumlah Adik Beradik Dengan Kecenderungan Keusahawanan.

Ho : Tidak terdapat hubungan di antara jumlah adik beradik dengan kecenderungan keusahawanan.

**Jadual 4.18 : Hubungan Jumlah Adik Beradik Dengan Kecenderungan Keusahawanan**

Bilangan	n	Min	Sisihan Piawai	Nilai t	p
Kurang daripada Tiga	10	75.0000	8.459	1.69	0.092
Tiga dan Lebih	280	70.8036	7.696		

Kaedah Ujian-t digunakan untuk menguji hipotesis di atas. Hasil dari ujian didapati nilai t 1.69 tidak signifikan ( $p = 0.092$ ) pada paras keyakinan 0.05. Ini menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara jumlah adik beradik dengan kecenderungan keusahawanan.

g) Hubungan Kecenderungan Keusahawanan Keluarga Dengan Kecenderungan Keusahawanan.

Ho : Tidak terdapat hubungan di antara kecenderungan keusahawanan keluarga dengan kecenderungan keusahawanan.

**Jadual 4.19 : Hubungan Kecenderungan Keusahawanan Keluarga Dengan Kecenderungan Keusahawanan**

Keluarga	n	Min	Sisihan Piawai	Nilai t	p
Usahawan	66	69.8939	6.964	-1.26	0.209
Bukan Usahawan	224	71.2590	7.949		

Mengenai hubungan di antara kecenderungan keusahawanan keluarga dengan kecenderungan keusahawanan, Ujian-t mendapati nilai t -1.26 tidak signifikan ( $p = 0.209$ ) pada paras keyakinan 0.05. Ini bermakna, tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kecenderungan keusahawanan keluarga dengan kecenderungan keusahawanan.

- h) Hubungan Jurusan Kemahiran IKM Dengan Kecenderungan Keusahawanan.

Ho : Tidak terdapat hubungan di antara jurusan kemahiran IKM dengan kecenderungan keusahawanan.

**Jadual 4.20 : Hubungan Jurusan Kemahiran IKM Dengan Kecenderungan Keusahawanan**

Sumber	DF	SS	MS	Nilai F	p
Antara Kumpulan	6	598.2569	99.7095	1.9799	0.0696
Dalam Kumpulan	224	11280.678	50.3602		
Keseluruhan	230	11878.935			

Kaedah ANOVA digunakan untuk menguji hipotesis di atas. Hasil dari ujian tersebut, didapati nilai F 1.9799 tidak signifikan ( $p= 0.0696$ ) pada paras keyakinan 0.05. Maka, Ho di terima yang membawa erti tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara jurusan kemahiran IKM dengan kecenderungan keusahawanan.

i) Hubungan Tempat Latihan Dengan Kecenderungan Keusahawanan

Ho : Tidak terdapat hubungan di antara tempat latihan dengan kecenderungan keusahawanan.

Kaedah ANOVA digunakan untuk menguji hipotesis di atas. Dari ujian tersebut mendapati nilai  $f$  5.5036 menunjukkan signifikan ( $p = 0.0011$ ) pada paras keyakinan 0.05. Maka,  $H_0$  ditolak yang bermaksud terdapat hubungan yang signifikan di antara tempat latihan dengan kecenderungan keusahawanan.

Dari jadual 4.21 adalah didapati bahawa pelatih dari IKM Beseri mempunyai tahap kecenderungan keusahawanan yang tinggi berbanding dengan lain-lain IKM.

**Jadual 4.21 : Hubungan Tempat Latihan Dengan Kecenderungan Keusahawanan**

Sumber	DF	SS	MS	Nilai F	p
Antara Kumpulan	3	946.2986	315.4329	5.5036	0.0011
Dalam Kumpulan	286	16391.9255	57.3144		
Keseluruhan	289	17338.2241			

- j) Hubungan Tahap Pendidikan Dengan Kecenderungan Keusahawanan.

Ho : Tidak terdapat hubungan di antara tahap pendidikan dengan kecenderungan keusahawanan.

**Jadual 4.22 : Hubungan Tahap Pendidikan Dengan Kecenderungan Keusahawanan**

Tahap Pendidikan	n	Min	Sisihan Piawai	Nilai t	p
SPM ke bawah	277	70.9242	7.782	-0.24	0.807
STPM ke atas	13	71.4615	7.195		

Kaedah Ujian-t digunakan untuk menguji hipotesis di atas. Hasil ujian tersebut mendapati nilai t -0.24 tidak signifikan ( $p=0.807$ ) pada paras keyakinan 0.05. Ini bermakna tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap pendidikan dengan kecenderungan keusahawanan.

k) Hubungan Tahap Pendidikan Ibu Dengan Kecenderungan Keusahawanan.

Ho : Tidak terdapat hubungan di antara tahap pendidikan ibu dengan kecenderungan keusahawanan.



**Jadual 4.23 : Hubungan Tahap Pendidikan Ibu Dengan Kecenderungan Keusahawanan**

Sumber	DF	SS	MS	Nilai F	p
Antara Kumpulan	1	209.0859	209.0859	3.3412	0.0692
Dalam Kumpulan	<u>187</u>	<u>11702.1522</u>	62.5784		
Keseluruhan	188	11911.2381			

Kaedah ANOVA digunakan untuk menguji hubungan hipotesis di antara tahap pendidikan ibu dengan kecenderungan keusahawanan. Hasil ujian tersebut, didapati nilai F 3.3412 tidak signifikan ( $p = 0.0692$ ) pada paras keyakinan 0.05. Maka,  $H_0$  diterima yang bermakna tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap pendidikan ibu dengan kecenderungan keusahawanan.

- l) Hubungan Tahap Pendidikan Bapa Dengan Kecenderungan Keusahawanan.

$H_0$  : Tidak terdapat hubungan di antara tahap pendidikan bapa dengan kecenderungan keusahawanan.

**Jadual 4.24 : Hubungan Tahap Pendidikan Bapa Dengan Kecenderungan Keusahawanan**

Sumber	DF	SS	MS	Nilai F	p
Antara Kumpulan	3	131.8314	43.9438	0.7347	0.5321
<u>Dalam Kumpulan</u>	<u>277</u>	<u>16567.6561</u>	59.8110		
Keseluruhan	280	16699.4875			

Kaedah ANOVA digunakan untuk menguji hipotesis di atas. Hasil ujian didapati nilai F 0.7347 tidak signifikan ( $p=0.5321$ ) pada paras keyakinan 0.05. Ini menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap pendidikan bapa dengan kecenderungan keusahawanan.

m) Hubungan Pekerjaan Ibu Dengan Kecenderungan Keusahawanan.

$H_0$  Tidak terdapat hubungan di antara pekerjaan ibu dengan kecenderungan keusahawanan.

**Jadual 4.25 : Hubungan Pekerjaan Ibu Dengan Kecenderungan Keusahawanan**

Sumber	DF	SS	MS	Nilai F	P
Antara Kumpulan	3	143.7136	47.9045	0.8095	0.4895
<u>Dalam Kumpulan</u>	<u>277</u>	<u>16392.5640</u>	59.1789		
Keseluruhan	280	16536.2776			

Kaedah ANOVA digunakan untuk menguji hipotesis di atas. Hasil ujian didapati nilai F 0.8095 tidak signifikan ( $p = 0.4895$ ) pada paras keyakinan 0.05. Ini menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara pekerjaan ibu dengan kecenderungan keusahawanan.

n) Hubungan Pekerjaan Bapa Dengan Kecenderungan Keusahawanan.

$H_0$  : Tidak terdapat hubungan di antara pekerjaan bapa dengan kecenderungan keusahawanan.

**Jadual 4.26 : Hubungan Pekerjaan Bapa Dengan Kecenderungan Keusahawanan**

Sumber	DF	SS	MS	Nilai F	P
Antara Kumpulan	3	135.9975	45.3325	0.7620	0.5162
Dalam Kumpulan	275	16359.1925	59.4880		
Keseluruhan	278	16495.1900			

Kaedah ANOVA digunakan untuk menguji hubungan hipotesis di antara pekerjaan utama bapa dengan kecenderungan keusahawanan. Dari ujian tersebut, didapati nilai F 0.7620 tidak signifikan ( $p=0.5162$ ) pada paras keyakinan 0.05. Maka  $H_0$ , diterima yang bermaksud tidak terdapat

hubungan yang signifikan di antara pekerjaan utama bapa dengan kecenderungan keusahawanan.

#### 4.4 **Penutup**

Keseluruhan, terdapat 14 hipotesis yang telah diuji dan dari jumlah ini, didapati bahawa hanya dua hipotesis yang menunjukkan hubungan yang signifikan antara pembolehubah yang diuji. Dua pembolehubah tersebut ialah mengenai jantina dan tempat latihan. Dalam hal ini pelatih lelaki dan responden dari IKM Beseri menunjukkan tahap kecenderungan keusahawanan yang tinggi. Keputusan kajian akan dibincangkan lagi dalam bahagian perbincangan dalam bab seterusnya (Bab 5).

## **BAB 5**

### **PERBINCANGAN, INTEPRETASI DAN IMPLIKASI**

#### **5.1 Pengenalan**

Bab ini membicarakan dan mentafsir keputusan yang telah dihasilkan dari kajian. Implikasi utama kajian diterangkan berdasarkan kepada penemuan.

#### **5.2 Perbincangan Dan Interpretasi**

##### **a) Objektif Pertama**

Objektif pertama kajian ini adalah untuk melihat adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor-faktor demografi yang digunakan seperti umur, jantina, tempat tinggal dan negeri asal mempengaruhi kecenderungan keusahawanan pelatih IKM.

Kecenderungan keusahawanan yang mengandungi 6 ciri utama iaitu keperluan pencapaian, lokus kawalan, kecenderungan mengambil risiko, kesabaran menghadapi kesamaran, keyakinan diri dan inovatif, yang diadaptasikan dari beberapa penyelidik

telah digunakan untuk mengukur pembolehubah-pembolehubah tersebut.

Keputusan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara umur, tempat tinggal dan negeri asal dengan kecenderungan keusahawanan. Walau bagaimanapun terdapat hubungan yang signifikan di antara jantina dengan kecenderungan keusahawanan. Mengenai umur, kajian-kajian terdahulu tidak menunjukkan hubungan yang signifikan dengan kecenderungan keusahawanan. Contoh, Baharu Kemat (1994) dalam kajian mengenai hubungan sikap orientasi keusahawanan dengan umur pelajar politeknik di Malaysia, didapati tiada hubungan yang signifikan ( $p = 0.715$ ). Satu lagi kajian yang dibuat oleh Hian Chye Koh (1995) mengenai faktor-faktor berkaitan dengan kecenderungan keusahawanan di kalangan pelajar perniagaan di Universiti di Hong Kong juga mendapati tiada hubungan umur dengan kecenderungan keusahawanan ( $p = 0.4880$ ).

Mengenai jantina pula, kajian ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan dengan kecenderungan keusahawanan. Hasil

kajian mendapati pelatih lelaki mempunyai tahap kecenderungan keusahawanan yang tinggi berbanding dengan pelatih perempuan.

Kajian terdahulu yang dibuat oleh De Wit dan Van Winden (1989) mendapati ramai perempuan lebih berminat untuk menjadi pekerja berbanding dengan lelaki yang suka bekerja sendiri. Dalam hal yang sama, penyelidik-penyelidik seperti Welsch dan Young (1984), Hisrich (1986 dan Cromie (1987) menekankan bahawa sektor bekerja sendiri adalah secara tradisi dikuasai oleh lelaki. Dalam kajian Hian Chye Koh (1995) mendapati pelajar lelaki lebih cenderung ke arah keusahawanan.

Mengenai tempat tinggal dan negeri responden, kajian mendapati tidak terdapat hubungan yang signifikan dengan kecenderungan keusahawanan. Dalam kajian Baharu Kemat (1994) terdapat hubungan orientasi sikap keusahawanan dengan tempat tinggal dan negeri, mendapati kedua-dua pembolehubah tersebut tidak signifikan.

**b) Objektif Kedua**

Objektif kedua kajian ini ialah untuk melihat faktor latar belakang pendidikan seperti perbezaan jurusan kemahiran di IKM, tahap pendidikan dan tempat latihan mempengaruhi kecenderungan keusahawanan. Berdasarkan kajian mendapati tidak terdapat hubungan yang signifikan bagi tahap pendidikan dan jurusan kemahiran di IKM. Manakala terdapat hubungan yang signifikan bagi tempat latihan dengan kecenderungan keusahawanan.

Bagi tempat latihan kajian mendapati responden dari IKM Beseri, mempunyai tahap kecenderungan keusahawanan yang tinggi berbanding dengan lain-lain IKM. Dari temuramah yang dibuat dengan pihak IKM Beseri; didapati banyak aspek mengenai bidang keusahawanan ditekankan di mana pelatih bukan sahaja mengambil kursus ini sambil lewa sahaja malah mempraktikkan apa yang telah dipelajari. Tambahan kepada ini, pendedahan program keusahawanan seperti ceramah motivasi keusahawanan telah diikuti oleh pelatih-pelatih di IKM Beseri.



c) **Objektif Ketiga**

Objektif ketiga dalam kajian ini adalah untuk melihat hubungan di antara ciri-ciri keluarga seperti kedudukan dalam keluarga, jumlah adik-adik dan kecenderungan keusahawanan keluarga dengan kecenderungan keusahawanan. Kajian ini mendapati bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kedudukan dalam keluarga, jumlah adik beradik dan kecenderungan keusahawanan keluarga dengan kecenderungan keusahawanan. Walau bagaimanapun dalam kajian oleh Hian Chye Koh (1995), didapati tiada hubungan signifikan ( $p = 0.0990$ ) di antara jumlah adik beradik dengan kecenderungan keusahawanan.

Keputusan kedua-dua ciri iaitu kedudukan dalam keluarga dan kecenderungan keusahawanan keluarga berlainan dengan apa yang telah terdapat di negara Barat. Misalnya Watkins dan Watkin's (1983) mendapati anak sulung menerima perhatian yang lebih, oleh itu lebih mempunyai kecenderungan ke arah keusahawanan.

Jika dilihat frekuensi anak sulung, didapati hanya 27.2 peratus sahaja daripada jumlah responden. Manakala responden dari keluarga usahawan menunjukkan 22.8 peratus sahaja dari jumlah responden. Faktor kebudayaan sesebuah negara mengenai kecenderungan keusahawanan di kalangan anak sulung dan dari keluarga usahawan perlu diambil kira.

Kesemua faktor ini mungkin menyebabkan hubungan kedua-dua ciri-ciri keluarga tidak signifikan dengan kecenderungan keusahawanan.

d) **Objektif Keempat**

Objektif keempat untuk melihat hubungan latar belakang, ibubapa iaitu mengenai tahap pendidikan, dan pekerjaan ibubapa dengan kecenderungan keusahawanan.

Kajian ini menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap pendidikan dan pekerjaan ibubapa dengan kecenderungan keusahawanan. Dalam kajian mengenai sikap orientasi keusahawanan dan tahap pendidikan dan pekerjaan ibubapa di kalangan pelajar politeknik, didapati tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kedua-dua pemboleh ubah berkenaan. (Baharu Kemat, 1994).

Sehubungan dengan ini ulasan karya terdahulu, yang dipetik oleh Baharu Kemat terdapat kajian bukan secara empirik menyatakan bahawa pekerjaan ibubapa mempunyai hubungan dengan kecenderungan keusahawanan responden. Walau bagaimanapun dalam kajian ini menunjukkan bahawa pekerjaan ibu dan bapa tidak mempunyai hubungan dengan kecenderungan keusahawanan responden.

### 5.3 Implikasi

Berdasarkan kepada perbincangan dan interpretasi, satu ringkasan terhadap implikasi kajian dapat dikemukakan seperti berikut:-

- a) Secara keseluruhnya tahap kecenderungan keusahawanan bagi pelatih IKM adalah memuaskan (57.9 peratus) Oleh yang demikian kecenderungan keusahawanan pelatih perlu ditingkatkan lagi dengan program-program keusahawanan.
- b) Hasil kajian mendapati ciri demografi seperti jantina adalah berhubung kait dengan kecenderungan keusahawanan. Dengan ini ia menyokong pendapat para penyelidik mengenai jantina dengan kecenderungan keusahawanan.
- c) Memandangkan betapa pentingnya keusahawanan, adalah wajar untuk mengenalpasti ciri-ciri keusahawanan dan membezakan di antara pelatih yang cenderung ke arah keusahawanan dengan yang tidak cenderung ke arah keusahawanan. Dengan pengetahuan dalam ciri-ciri utama kecenderungan keusahawanan, beberapa

program boleh dibuat oleh kerajaan misalnya untuk memaju dan mempertingkat pembangunan keusahawanan.

- d) Penemuan kajian boleh digunakan sebagai alat untuk membantu kerjaya atau sebagai pendekatan untuk kemasukan ke program keusahawanan. Pelajar akan dapat membuat pilihan kerjaya mereka dengan lebih baik jika mengetahui tahap kecenderungan keusahawanan mereka.

Hak Milik MARA

## BAB 6

### RINGKASAN, CADANGAN DAN PENUTUP

#### 6.1 Pengenalan

Bab ini mengemukakan kajian secara keseluruhan di mana penyelidikan dan penemuan akan dirumuskan serta cadangan.

#### 6.2 Keseluruhan Kajian

Kajian ini dibahagikan kepada 6 bab. Dalam Bab Satu, telah mengemukakan konteks kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian, skop andaian dan batasan kajian.

Bab Dua pula menerangkan ulasan karya mengenai 6 ciri utama kecenderungan keusahawanan iaitu keperluan pencapaian, lokus kawalan, kecenderungan mengambil risiko, kesabaran menghadapi kesamaran, keyakinan diri dan inovatif. Dalam bab ini juga diulas mengenai ciri-ciri sosio-demografi dan keluarga yang mempunyai hubungan dengan kecenderungan keusahawanan.

Dalam Bab Tiga, diterangkan mengenai kaedah penyelidikan. Ini meliputi konseptual dan rangka kerja teori, hipotesis, rekabentuk kajian, populasi dan sampel dan analisis data.

Analisis dan keputusan diterangkan dalam Bab Empat. Kedua-dua analisis iaitu deskriptif dan inferensi digunakan untuk mengukur:

- a) tahap kecenderungan keusahawanan di kalangan pelatih IKM.
- b) hubungan di antara pembolehubah-pembolehubah.
- c) pengaruh faktor-faktor sosio-demografik dan keluarga terhadap kecenderungan keusahawanan.

Kesimpulan keputusan ujian hipotesis adalah dalam Jadual 6.1 berikut:

**Jadual 6.1 : Kesimpulan Keputusan Ujian Hipotesis**

Pembolehubah Tidak Bersandar	Pembolehubah Bersandar (Kecenderungan Keusahawanan)
Umur	Tidak signifikan
Jantina	Signifikan
Tempat Tinggal	Tidak signifikan
Negeri	Tidak signifikan
Kedudukan Dalam Keluarga	Tidak signifikan
Jurusan Kemahiran	Tidak signifikan
Tempat Latihan	Signifikan
Tahap Pendidikan	Tidak signifikan
Tahap Pendidikan Ibu	Tidak signifikan
Tahap Pendidikan Bapa	Tidak signifikan
Pekerjaan Ibu	Tidak signifikan
Pekerjaan Bapa	Tidak signifikan

Dalam Bab Lima, penyelidik mengemukakan perbincangan dan interpretasi serta implikasinya.

Rumusan kajian keseluruhan, cadangan-cadangan, cadangan penyelidikan masa hadapan dikemukakan dalam Bab ini, Enam.

### 6.3 Cadangan

Berdasarkan kepada implikasi tersebut, beberapa cadangan dapat dikemukakan seperti berikut:-

- a) Mengekalkan dan meningkatkan lagi kecenderungan keusahawanan tersebut dan membentuk mereka menjadi usahawan dan ahli-ahli perniagaan.
- b) Selain memberi kursus keusahawanan di IKM, mereka perlu banyak mendedahkan pelatih-pelatih kepada ceramah-ceramah motivasi keusahawanan dari “role model’ yang berjaya.

- c) Pihak institusi-institusi kewangan hendaklah mengenalpasti siapakah di kalangan bekas-bekas pelatih IKM yang mempunyai kecenderungan keusahawanan yang tinggi dan berpotensi untuk menjadi usahawan dengan memberi bantuan kewangan kepada mereka.
- d) Tenaga pengajar kursus keusahawanan perlu diberi latihan serta pendedahan mengenai keusahawanan di peringkat yang lebih tinggi.

#### 6.4 Cadangan Penyelidikan Masa Hadapan

Penyelidikan mengenai kecenderungan keusahawanan hendaklah terus diselidik. Hasil kajian bukan sahaja berguna kepada institusi malah perancangan dan penyelarasan kajian ini dapat membantu dalam membangunkan program keusahawanan sesebuah negara amnya dan masyarakat khususnya.

Kajian seterusnya boleh dilakukan bagi membaiki model kajian dengan menambah pembolehubah-pembolehubah lain yang tidak diuji lagi dalam kajian ini.



Kajian yang serupa patut dilakukan ke atas populasi yang lain seperti Pusat Giat MARA, Institut Kemahiran Belia Negara, Pusat Latihan Belia dan Institut Latihan Perindustrian.

Hak Milik MARA

## RUJUKAN

- Abu Hasan Adam (1991), **Menghala Wawasan 2020**, Kuala Lumpur; Arena Ilmu Sdn. Bhd.
- Adnan Alias (1992), **Asas Keusahawanan**, Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia (MEDBC).
- Alderfer, C. P. (1972), **Existence, Relatedness and Growth, Human Needs in Organizational Setting**, New York : Free Press.
- Anderson, C. R. (1977), "Locus of Control, Coping Behaviors, and Performance in a Stress Setting : A Longitudinal Study, **Journal of Applied Psychology**. Vol. 62, No. 4, m.s. 446-451.
- Andrisani, P. J., dan Nestel, G. (1976), "Internal-External control as a Contributor to and outcome of work experience, **Journal of Applied Psychology**. Vol. 61, m.s. 156-165.
- Baharu Kemat, (1994), "**Orientasi Sikap Keusahawanan Di Kalangan Pelajar Politeknik di Malaysia**". (Unpublished Graduate Thesis), Sekolah Siswazah UUM.
- Bajaro, Angelita, S. (1989), "Test Yourself : Are You An Entrepreneur", **Small Industry Journal**. Vol. XIV (28) m.s. 18.
- Barcelona, Aurora, C. (1990), **Interrelationships Among Selected Factors and Quality of Work Life in Micro Enterprises in Metro Manila**. unpublished Doctoral Dissertation, Polytechnic University of the Philippines.

- Barcelona, A. C dan Valida, A.C, (1994), "Interrelationships between personal variables and entrepreneurial potentials of senior students of Universiti Utara Malaysia,'. **Malaysia Management Review**, December, 29(4) m.s. 15-28.
- Bird, B. J. (1989), **Entrepreneur Behavior**, Illinois : ScoH, Foresman and Company.
- Bloom, C. B. (1990), **Management Review**, Vol. 25 (1).
- Bowen, D. O dan Hisrich, R. D. (1986), "The female entrepreneur : a career development perspective", **Academy of Management Review**, Vol. II, m.s. 393-407.
- Brockhaus, R. H. (1980), "Risk taking propensity of entrepreneurs", **Academy of Management Journal**. Vol. 23, No. 3, m.s. 509-520.
- Brockhaus, R. H dan Horwitz, P. (1986), "The psychology of the entrepreneur" in. D. Sexton and R. Smilor (eds.), **The Art and Science of Entrepreneurship**. Cambridge, MA : Ballinger.
- Brockhaus, R. H. dan Nord, W. R. (1979), "An exploration of the factors affecting the entrepreneurial decision : personnel characteristics vs. environmental condition", **Academy of Management Proceedings**.
- Burch, John, G. (1986), **Entrepreneurship**, New York : Wiley and Sons.
- Bygrave, W. D. (1989), "The Entrepreneurship Paradigm (1) : A Philosophical Look at Its Research Methodologies.". **Journal Entrepreneurship Theory and Practice**, 14 (winter), m.s.7-26.
- Bygrave, W. D., dan Hofer, C. W. (1991), "Theorizing about Entrepreneurship", **Journal of Entrepreneurship Theory and Practice**, Vol. 16, No.2, Winter, m.s 13-21.

- Carol, J. (1965), **The Filipino Manufacturing Entrepreneur Agent and Product for Change**, NY : Cornell University Press.
- Charbonneau, F.J. (1981), "The Women Entrepreneur", **American Demographics** 7 (June), m.s. 21-23.
- Cooper, A. C. (1981), "Strategic Management : New Ventures and Small Business,". **Long Range Planning** 14 (Number 5), m.s. 39-45.
- Cooper, A. C. dan W. C. Dunkelberg, (1986), "Entrepreneurship and Paths to Business Ownership", **Strategic Management Journal** 7 (January/Februari). m.s. 53-68.
- Cromie, S. (1987), "Similarities and Differences Between Women and Man who choose Business Proprietorship, **International Small Business Journal** 5, (3), m.s. 43-60.
- Cuba, R., D. Decenzo dan A. Anish (1983), "Management Practices of Successful Female Business Owners," **American Journal of Small Business** 8, October-December, m.s. 40-45.
- Cunningham, J. B dan Lischeron, J. (1991), "Defining Entrepreneurship", **Journal of Small Business Management**, Vol. 29, No. 1, m.s. 45-61.
- Dalton, P.J dan Makepeace, G. H (1990), "Self Employment among Graduates,". **Bulletin of Economic Research**, 42(1) m.s. 35-53.
- De wit, Gerrit dan Frans Van Winder, (1989), An Emprical Analysis of Self-Employment in the Netherland, **Small Business Economic** 1; m.s. 263-272.
- Drucker, P.F. (1989), **Innovation and Entrepreneurship**. London : William Heinenann Ltd.

- Gartner, W. B. (1989). "Who is an Entrepreneur? Is the wrong Question," **Journal of Entrepreneurship, Theory and Practice**, Vol.13, No.4, m.s. 47-67.
- Gartner, W. B. (1989), "Same Suggestion for Research on Entrepreneurial Traits and Characteristics, **Journal of Entrepreneurship Theory and Practice**. Vol. 16, m.s. 27-37.
- Henley, M. F (1987), "A Career Casebook : Good, Better, Best", **Working Women**, Dicember Vol. 12, m.s. 86-89.
- Herbert dan Link, A. N (1982), **The Entrepreneur : Mainstream Views and Radical Critiques**, New York : Praeger.
- Hian Chye Koh, (1995), "Factors Associated with Entrepreneurial Inclination : An Empirical Study of Business undergraduates in Hong Kong", **Journal of Entrepreneurship Theory and Practice**, Vol. 12, Number 2, m.s. 29-38.
- Hisrich, R. D. dan Peters, M.P (1992), **Entrepreneurship Starting, Developing and Manging A new Enterprise**, 2nd edition, New York : Richard D. Invin, Inc.
- Hisrich, R. D. (1986), "The Women Entrepreneur : Characteristics, Skills, Problems and Prescriptions for Success", in Sexton and Smilor (Ed.), **The Art and Science of Entrepreneurship**, m.s. 61-81 Massachusetts : Ballinger.
- Hisrich, R. D. dan C. Brush (1986), "Characteristics of the minority Entrepreneur, "**Journal of Small Business Management** 24 (October) m.s. 1-8.
- Holt, D. H. (1992). **Entrepreneurship**, New Venture Creation, New Jersey : Prentice - Hall Inc.

- Hornaday, J. A dan Abound, A (1971), "Characteristics of Successful Entrepreneur", **Personnel Psychology**, Vol. 24, m.s. 141-153.
- Ho, T. S dan H. C. Koh (1992), "Differences in Psychological Characteristics between Enterpreneurially Inclined and Non-entrepreneurially Inclined Accounting Graduate in Singapore", **Entrepreneurship, Innovation and Change : An International Journal** 1, Number 2, m.s. 243-254.
- Hood, J. N. dan H.B. Young (1993), "Entrepreneurships", Requisite Areas of Development : A Survey of Top Executives in Successful Entrepreneurial Firms", **Journal of Business Venturing** 8 (March) m.s. 115-135.
- Jennings, D. F (194), **Multiple Perspectives of Entrepreneurship : Text, Reading and Coses**, Cincinnati, Ohio : South - Western Publishing Co.
- Johnson, B. R. (1990), "Toward a Multidimensional Model of entrepreneurship : The case of Achievement Motivation and the Entrepreneur", **Journal of Entrepreneurship Theory and Practice**, Vol. 14, No. 3, m.s. 39-54.
- Kamarudin Mamat dan Ramli Raya (1990), "The Malaysian Entrepreneur - His Qualities, Attitudes and Skills:", **Malaysian Management Review**, February, m.s. 10-18.
- Kao, J. (1989), **Entrepreneurships, Creativity and Organization : Text, Cases and readings**, New Jersey : Prentice Hall.
- Kao, Raymond, W. Y. (1995), **Entrepreneurship, A Wealth-Creation and Value - Adding process**, Singapore : Prentice Hall.
- King, A. S. (1985), "Self Analysis and Assesment of Entrepreneurial Potential, Simulation and Games", **An International Journal of Theory, Design and Research**, Vol. 16, No. 4, m.s 2-5, Sage Publication.

- Konting, M.M. (1990). **Kaedah Penyelidikan Pendidikan**. Selangor Darul Ehsan : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Krueger, N. F. Jr. dan Brazeal D.V. (1994), "Entrepreneurial Potential and Potential Entrepreneurs", **Journal of Entrepreneurship Theory and Practice**, Vol. 18, No. 3, Spring m.s. 91-104.
- Kuhn, R.L. (1985), **To Flourish Among Giants : Creative Management For Medium - Sized Firms**, New York : John Wiley.
- Kuratko, D. F. dan Hodgetts, R.M. (1995), **Entrepreneurship, A Contemporary Approach**, 3rd edition, Fortworth : The Dryden Press.
- Lachman, R. (1980). "Toward Measurement of Entrepreneurial Tendencies," **Management International Review**, Vol.20 (Issue 2), m.s. 108-116.
- Lafuente, A. dan Sales, V (1980), "Types of Entrepreneurs and Firm, The Case of New Spanish Firm", **Strategic Management Journal**, John Wiley and Sons, Vol. 10 m.s. 17-30.
- Liles, P. R. (1974), **New Business Venture and the Entrepreneur**, Homewood : Irwin.
- Longenecker, J. G., Moore, C.W., dan Petty, J.W (1994). **Small Business Management : An Entrepreneurial Emphasis**. 9th edition. Ohio : South Western Publishing Company.
- Mahmood Nazar Mohamad, (1990), "An Exploration of the Personality Profile of Small-Scale Business Bumiputra and Non-Bumiputra Entrepreneurs", **Malaysian Management Review**, August, Vol. 25, No. 2, m.s. 19-28.
- Maslow, A. H, (1954), **Motivation and Personality** New York : Harper and Row.

McClelland D. D. (1969), **The Achieving Society**, New York : The Free Press.

**Mingguan Malaysia** (1995), “Bilangan Usahawan Melayu Masih Kecil”, Julai 23.

Mitton, D. G. (1989), “The Compleat Entrepreneur”, **Journal of Entrepreneurship Theory and Practice**, Vol. 133, m.s. 9-11.

Mohd Taib Ariffin dan Mahmood Nazar Mohamad, (1993), “Siapa Usahawan Tulen”, **Usahawan Malaysia**, Jan/Feb. m.s. 12-15.

Mohd Salleh Hj. Din (1992), **The Development Entrepreneurship and Enterprise in Higher Education in Malaysia**, PhD. Thesis, University of Durham.

Mohd Taib Ariffin dan Mahmood Nazar Mahamad, (1993) “Lahirkan Usahawan Berjaya perlu ada strategi”, **Usahawan Malaysia**, Mac/April m.s. 20-21.

Murray, H. A. (1938), **Exploration in Personality**, New York : Oxford University Press.

Nachmias, D and Nachmias, C. (1976), **Research Methods in The Social Science**, New York. St Martin Press, m.s. 29.

Nickhouse, (1986), “Just Who Are These Entrepreneurs” **Management World**, Vol. 15 m.s. 7-8.

Robinson et. al. (1991), “An Attitude approach to the prediction for Entrepreneurship”, **Journal of Entrepreneurship Theory and Practice**, Vol. 15 Number 4, m.s. 13-19.



- Rotter, J.B. (1966), "Generalized Expectancies for Internal vs. External Control of Reinforcement", **Psychological Monographs**, Vol. 80 : No. 609.
- Scanlan, T. J. (1987), **Self Employment as a Career Options, An Investigation fo Entrepreneurship from the perspectives of Holland's Theory of Career Development and Laven Son's Measure of Locus of Control**, PhD Thesis, University of Illinois at Urbana, Champaign.
- Schollhammer, H dan Kuriloff A. H. (1979), **Entrepreneurship and Small Business Management**, Florida : John Wiley and Sons, Inc.
- Schumpeter, J.A (1984), "**Economic Theory and Entrepreneurial History in Change and the Entrepreneur**", Research Center in Entrepreneurial History, Cambridge, Mass., Harvard University Press.
- Sekaran, U. (1992), **Research Method For Business**, A Skill Building Approach, 2nd edition, Toranto : John wiley and Sons
- Sexton dan Van Auken, P.M (1982), **Experiences in Entrepreneurship and Small Business Management**, New Jersey : Prentice - Hall
- Shaver, K. G. dan Scott, L. R. (1991), "Person, Process, Choice : The Psychology of New Venture Creation" **Journal of Entrepreneurship Theory and Practice**, Winter, m.s. 23-45.
- Stumpf, S. A. (1992), "Career Goal : Entrepreneur", **International Journal of Career Management**, Vol. 4, No. 2, m.s. 25 - 32.
- Swayne, C. B. dan Tucker, W. R. (1973), **The Effective Entrepreneur**, Morristown, New Jersey : General Learning Press.
- Timmons, J. A. (1990), **New Venture Creation**, 3rd edition, Homewood, IL : Irwin.

Timmons, J. A, Smollen, Leonard E. Dingee, Alexander M., (1985), **New Venture Creation**, Homewood, IL : Irwin.

Welsch, H. dan Young, B. (1984), "Male and Female Entrepreneurial Characteristics and Behaviours : A Profile of Similarities and Differences, **International and Small Business Journal**, 2 (4) m.s. 11-20.

Yonekura, Selichiro, (1984), **Entrepreneurship and Innovative Behavior of Kawasaki Steel : The Post War II Period**, Discussion Paper No. 120.

Hak Milik MARA



# UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

06010 UUM, Sintok, Kedah Darul Aman, Malaysia. Tel: 04-9241801 - 8 Cable: UTAMAS Telex: MA 42052 Fax/DL: 04-9241641

9hb Januari 1996  
Sekolah Siswazah

Pengarah,  
Bahagian Kemahiran MARA,  
Ibu Pejabat MARA,  
21, Jalan Raja Laut,  
50609 Kuala Lumpur.

Tuan,

**TESIS BERTAJUK PENILAIAN KECENDERUNGAN KEUSAHAWANAN  
DIKALANGAN PELATIH INSTITUT KEMAHIRAN MARA (IKM)  
PENYELIDIK : ENCIK ZULKIFLI BIN SAIDUN**

---

Sukacita dimaklumkan bahawa Encik Zulkifli bin Saidun ialah pelajar sepenuh masa dalam program Sarjana Sains (Pengurusan) Universiti Utara Malaysia dan sedang dalam tahun akhir program pengajiannya, beliau dikehendaki mengemukakan sebuah tesis berasaskan penyelidikan di dalam bidang kajian beliau. Dalam hal ini, beliau telah memilih tajuk penyelidikan seperti yang tersebut di atas di mana akan melibatkan responden di kalangan pelatih-pelatih IKM di bahagian utara Malaysia iaitu, Alor Setar, Sungai Petani, Beseri dan Lumut.

Sehubungan dengan itu, pihak kami akan amat sukacita sekiranya pihak tuan dapat memberi bantuan kepada beliau untuk menemuduga beberapa orang pelatih IKM yang dipilih sebagai respondennya.

Sekiranya pihak tuan dapat memberi kebenaran kepada pelajar Sarjana ini mendapatkan maklumat untuk kajian berkenaan, beliau bercadang untuk mengadakan kajian tersebut pada bulan Februari hingga Mac 1996. Segala maklumat kajian tersebut akan dirahsiakan.


Pihak Universiti memerlukan kerjasama daripada pihak tuan menjayakan kajian ini. Segala kerjasama dari pihak tuan amatlah kami hargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

**“Ilmu, Budi, Bakti”**

Yang benar,

**(PROF MADYA DR. IBRAHIM BIN ABDUL HAMID)**  
Dekan  
Sekolah Siswazah  
Universiti Utara Malaysia



IBU PEJABAT MARA,  
21, JALAN RAJA LAUT,  
50609 KUALA LUMPUR

Telefon: K.L. 2915377  
2926011  
2915111

Telegram: "MARAMAI"  
Telex: MARA MA 30316  
Fax: 2913620

Bil. MARA: BKM 2/1

Bil. Tuan:

Tarikh: 19/1/1996.

Dekan  
Sekolah Siswazah  
Universiti Utara Malaysia  
06010 UUM Sintok  
Kedah Darul Aman  
Malaysia

Tuan,

TESIS BERTAJUK PENILAIAN KECENDERUNGAN  
KEUSAHAWANAN DI KALANGAN PELATIH INSTITUT  
KEMAHIRAN MARA (IKM) DI MALAYSIA  
PENYELIDIK : ENCIK ZULKIFLI BIN SAIDUN

Adalah dengan hormatnya dimaklumkan bahawa MARA tiada halangan bagi Encik Zulkifli bin Saidun untuk membuat penyelidikan keatas pelatih-pelatih IKM bertujuan untuk menyediakan tesis beliau.

Sekian.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

Yang benar,

(CHE AZIZOON BINTI CHE OMAR)  
Bahagian Kemahiran MARA  
b/p. Ketua Pengarah MARA  
Kuala Lumpur.

DEKAN [12]



## UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

06010 UUM, Sintok, Kedah Darul Aman, Malaysia. Tel: 04-9241801 - 8 Cable: UTAMAS Telex: MA 42052 Fax/DL: 04-9241641

---

*Sekolah Siswazah*

Pelatih IKM,

Saya sedang menjalankan satu kajian mengenai “Kecenderungan Keusahawanan Di Kalangan Pelatih IKM” bagi memenuhi keperluan Program Sarjana Sains (Pengurusan), Universiti Utara Malaysia.

Oleh yang demikian, harap agar mendapat kerjasama dari pelatih-pelatih untuk menjawab soal selidik ini.

Segala maklumat yang diberikan adalah bagi tujuan kajian semata-mata dan dianggap rahsia.

Kerjasama pelatih-pelatih dalam menjayakan kajian ini diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang Benar,

**(ZULKIFLI BIN SAIDUN)**

Sekolah Siswazah

Universiti Utara Malaysia

06010 Sintok

## SOAL SELIDIK I

### LATAR BELAKANG RESPONDEN

Nombor Responden

--	--	--

#### Arahan:

- (a) Sila jawab semua soalan
- (b) Sila tandakan (✓) pada ruang yang berkenaan.

#### BAHAGIAN A : BUTIR DIRI

1. Umur (pada 1hb March 1996): \_\_\_\_\_ tahun.
2. Jantina: Lelaki [    ]      Perempuan [    ]
3. Dimanakah anda tinggal paling lama, di kampung, bandar/pekan atau bandaraya/Ibu Negeri:  

	Negeri
Kampung [    ]	_____
Bandar/Pekan [    ]	_____
Bandar Raya/Ibu Negeri [    ]	_____
4. Kedudukan anda dalam keluarga:  

Sulung [    ]
Bongsu [    ]
Nombor dalam keluarga (sila nyatakan: _____) [    ]
5. Jumlah adik beradik dalam keluarga termasuk anda: \_\_\_\_\_ orang.

**BAHAGIAN B : LATARBELAKANG PENDIDIKAN**

6. Jurusan atau kursus di IKM:

Bangunan	[	]
Perkayuan	[	]
Mekanikal	{	}
Kerja Logam	[	]
Automotif	[	]
Elektrik	[	]
Jahitan	[	]
Elektronik	[	]
Lukisan	[	]

7. Anda sedang mengikuti kursus di IKM:

Alor Setar	[	]
Sungai Petani	[	]
Lumut	[	]
Perlis	[	]

8. Tahap pendidikan anda:

SPM dan ke bawah	[	]
STPM dan ke atas	[	]

**BAHAGIAN C : LATARBELAKANG KELUARGA**

9. Sila tandakan (✓) untuk menunjukkan tahap pendidikan tertinggi ibu, bapa atau penjaga anda:

	ibu	bapa	penjaga	
Tiada pendidikan formal	[	]	[	]
Sekolah rendah	[	]	[	]
Sekolah menengah	[	]	[	]
Universiti/pusat pengajian tinggi/maktab	[	]	[	]

10. Sila tandakan (✓) untuk menunjukkan pekerjaan utama ibu, bapa atau penjaga anda:

	ibu	bapa	penjaga
(a) Profesional - bekerja sendiri (akauntan, akitek, jurutera, doktor dsb).	[ ]	[ ]	[ ]
(b) Profesional - makan gaji (akauntan, akitek, jurutera, doktor dsb).	[ ]	[ ]	[ ]
(c) Pegawai eksekutif atau pentadbiran.	[ ]	[ ]	[ ]
(d) Guru.	[ ]	[ ]	[ ]
(e) Perkeranian.	[ ]	[ ]	[ ]
(f) Pekerja mahir (juruteknik, pelukis pelan jurugegas, pendawai elektrik).	[ ]	[ ]	[ ]
(g) Pekerja tidak mahir (buruh, tukang kebun, jaga dsb).	[ ]	[ ]	[ ]
(h) Pasukan beruniform (tentera, polis, bomba, penjara dsb).	[ ]	[ ]	[ ]
(i) Perniagaan sendiri	[ ]	[ ]	[ ]
- perniagaan besar (lebih 1000 orang pekerja).	[ ]	[ ]	[ ]
- perniagaan sederhana (tidak lebih 200 orang pekerja).	[ ]	[ ]	[ ]
- perniagaan kecil (kurang 30 orang pekerja).	[ ]	[ ]	[ ]
(j) Pertanian (termasuk pesawah, nelayan, penoreh, dsb).	[ ]	[ ]	[ ]



- |     |                                                                       |        |        |         |
|-----|-----------------------------------------------------------------------|--------|--------|---------|
|     |                                                                       | ibu    | bapa   | penjaga |
| (k) | Tidak bekerja                                                         | [    ] | [    ] | [    ]  |
| (i) | Bersara (sila tandakan jawatan sebelum bersara pada senarai di atas). | [    ] | [    ] | [    ]  |

11. Adakah keluarga anda samada ibu, bapa, penjaga, abang atau kakak berniaga

- |       |        |        |        |         |        |        |
|-------|--------|--------|--------|---------|--------|--------|
|       |        | ibu    | bapa   | penjaga | abang  | kakak  |
| Ya    | [    ] | [    ] | [    ] | [    ]  | [    ] | [    ] |
| Tidak | [    ] |        |        |         |        |        |

Hak Milik MARA

## SOAL SELIDIK II

### ARAHAN:

(a) Kenyataan-kenyataan yang diberikan menunjukkan cara pemikiran dan reaksi pengusaha yang sempurna. Apabila anda membaca setiap kenyataan tersebut, sila tanya pada diri anda “bagaimana perasaan anda atau pendapat anda terhadap kenyataan tersebut?”.

(b) Kategorikan diri anda mengikut skel yang diberikan di bawah ini dengan menandakan bulatan di tempat-tempat yang disediakan seperti berikut:-

- [ 1 ] - Sangat setuju
- [ 2 ] - Setuju
- [ 3 ] - Tidak pasti
- [ 4 ] - Tidak setuju
- [ 5 ] - Sangat tidak setuju

(c) Sila jawab semua soalan. Tidak ada jawapan yang salah. Oleh yang demikian anda diminta menjawab semua soalan dengan jujur dan ikhlas.

		Sangat Setuju	Setuju	Tidak Pasti	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju
1.	Saya sanggup menghadapi risiko yang besar untuk mencapai kejayaan yang sempurna.	[ 1 ]	[ 2 ]	[ 3 ]	[ 4 ]	[ 5 ]
2.	Saya merasa bimbang akan kesan buruk keputusan yang telah dibuat.	[ 1 ]	[ 2 ]	[ 3 ]	[ 4 ]	[ 5 ]
3.	Saya percaya bahawa kebolehan saya adalah lebih daripada sederhana.	[ 1 ]	[ 2 ]	[ 3 ]	[ 4 ]	[ 5 ]

		Sangat Setuju	Setuju	Tidak Pasti	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju
4.	Apabila saya menghadapi masalah dalam sesuatu tugas, saya akan tinggalkannya dan teruskan dengan urusan lain.	[ 1 ]	[ 2 ]	[ 3 ]	[ 4 ]	[ 5 ]
5.	Saya anggap sesuatu risiko itu boleh diambil jika peluang untuk ianya berjaya ialah 60%.	[ 1 ]	[ 2 ]	[ 3 ]	[ 4 ]	[ 5 ]
6.	Saya tidak merasai lemah semangat apabila orang lain tidak bersetuju dengan pandangan saya.	[ 1 ]	[ 2 ]	[ 3 ]	[ 4 ]	[ 5 ]
7.	Apabila saya membuat sesuatu, saya akan memastikan bahawa bukan sahaja ianya siap tetapi siap dengan sempurna.	[ 1 ]	[ 2 ]	[ 3 ]	[ 4 ]	[ 5 ]
8.	Apabila saya merancang untuk melakukan sesuatu, seboleh-bolehnya saya akan cuba melaksanakan rancangan saya itu.	[ 1 ]	[ 2 ]	[ 3 ]	[ 4 ]	[ 5 ]
9.	Saya suka mengubah cara sesuatu itu dilakukan.	[ 1 ]	[ 2 ]	[ 3 ]	[ 4 ]	[ 5 ]
10.	Saya menerima cabaran dengan senang hati dan bagi saya persaingan membuatkan saya bekerja lebih kuat.	[ 1 ]	[ 2 ]	[ 3 ]	[ 4 ]	[ 5 ]
11.	Sekiranya saya mempunyai RM1000 saya lebih suka menyimpan dalam akaun simpanan tetap atau melabur dalam Amanah Saham Bumiputera daripada menggunakan sebagai modal untuk memulakan perniagaan secara kecil-kecilan.	[ 1 ]	[ 2 ]	[ 3 ]	[ 4 ]	[ 5 ]

		Sangat Setuju	Setuju	Tidak Pasti	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju
12.	Jika saya tidak mempunyai wang, saya tidak boleh memulakan perniagaan walaupun saya bekerja keras dan bercita-cita tinggi.	[ 1 ]	[ 2 ]	[ 3 ]	[ 4 ]	[ 5 ]
13.	Selalunya saya berusaha mengatasi kesukaran dengan mencuba ide-ide baru.	[ 1 ]	[ 2 ]	[ 3 ]	[ 4 ]	[ 5 ]
14.	Kejayaan adalah hasil kerja keras dan bukan ditentukan oleh nasib.	[ 1 ]	[ 2 ]	[ 3 ]	[ 4 ]	[ 5 ]
15.	Adalah penting bagi anda untuk mengetahui yang anda mempunyai pendapatan yang boleh diharapkan.	[ 1 ]	[ 2 ]	[ 3 ]	[ 4 ]	[ 5 ]
16.	Saya tidak suka melakukan kerja-kerja biasa yang tidak mencabar walaupun pendapatannya lumayan.	[ 1 ]	[ 2 ]	[ 3 ]	[ 4 ]	[ 5 ]
17.	Sebelum membuat keputusan yang penting, saya lebih suka mempertimbangkan baik buruknya dengan segera daripada membuang masa memikirkannya.	[ 1 ]	[ 2 ]	[ 3 ]	[ 4 ]	[ 5 ]
18.	Saya selalu merasai tidak selamat apabila seseorang mengkritik sesuatu yang telah saya lakukan.	[ 1 ]	[ 2 ]	[ 3 ]	[ 4 ]	[ 5 ]
19.	Saya rasa agak senang untuk memberikan pendapat-pendapat baru yang belum dicuba.	[ 1 ]	[ 2 ]	[ 3 ]	[ 4 ]	[ 5 ]
20.	Kejayaan banyak ditentukan oleh usaha dan bukan bergantung kepada kebolehan semulajadi seseorang.	[ 1 ]	[ 2 ]	[ 3 ]	[ 4 ]	[ 5 ]

		Sangat Setuju	Setuju	Tidak Pasti	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju
21.	Saya sentiasa bersedia menghadapi masalah-masalah yang mungkin timbul.	[ 1 ]	[ 2 ]	[ 3 ]	[ 4 ]	[ 5 ]
22.	Saya boleh menyempurnakan banyak perkara apabila saya bekerja seorang tanpa penyeliaan sesiapa.	[ 1 ]	[ 2 ]	[ 3 ]	[ 4 ]	[ 5 ]
23.	Kerja yang membosankan tidak menjadi masalah bagi saya asalkan ganjarannya tinggi.	[ 1 ]	[ 2 ]	[ 3 ]	[ 4 ]	[ 5 ]
24.	Saya suka mencuba sesuatu projek baru walaupun saya tidak tahu langsung mengenainya.	[ 1 ]	[ 2 ]	[ 3 ]	[ 4 ]	[ 5 ]
25.	Adakala ide saya dianggap lain dari yang lain.	[ 1 ]	[ 2 ]	[ 3 ]	[ 4 ]	[ 5 ]
26.	Bagi saya mencapai sesuatu tidak begitu bergantung pada nasib.	[ 1 ]	[ 2 ]	[ 3 ]	[ 4 ]	[ 5 ]
27.	Saya percaya segala masalah dan kesulitan yang dihadapi boleh menjadi satu peluang perniagaan.	[ 1 ]	[ 2 ]	[ 3 ]	[ 4 ]	[ 5 ]
28.	Saya pasti akan kebolehan saya untuk bekerja dalam keadaan yang serba baru.	[ 1 ]	[ 2 ]	[ 3 ]	[ 4 ]	[ 5 ]
29.	Saya tidak akan memilih untuk bekerja dengan seorang yang tidak disukai atau tidak terkenal walaupun mereka boleh menolong saya dalam mencapai cita-cita saya.	[ 1 ]	[ 2 ]	[ 3 ]	[ 4 ]	[ 5 ]
30.	Saya tidak kisah bekerja dalam keadaan yang tidak pasti asalkan ianya akan memberi keuntungan yang berpatutan kepada saya.	[ 1 ]	[ 2 ]	[ 3 ]	[ 4 ]	[ 5 ]

		Sangat Setuju	Setuju	Tidak Pasti	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju
31.	Saya percaya selalunya ada cara baru yang lebih baik untuk menjalankan sesuatu.	[ 1 ]	[ 2 ]	[ 3 ]	[ 4 ]	[ 5 ]
32.	Kesusahan yang dialami oleh seseorang kerap kali disebabkan nasib malangnya sendiri.	[ 1 ]	[ 2 ]	[ 3 ]	[ 4 ]	[ 5 ]
33.	Apabila sesuatu keputusan hendak dibuat, saya mudah membuatnya, walaupun saya tidak pasti dengan hasilnya.	[ 1 ]	[ 2 ]	[ 3 ]	[ 4 ]	[ 5 ]

Hak Milik MARA